

BAB I

PERWUJUDAN SRJK(C)

Semenjak awal kurun ke-19 hingga tercetusnya Perang Dunia Kedua, pentadbiran pendidikan kerajaan British di Tanah Melayu adalah mengikut dasar *laissez faire*. Akibat daripada dasar ini, telah wujud empat jenis aliran bahasa, iaitu Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris dalam empat jenis sekolah yang berasingan. Sistem persekolahan yang berbeza-beza dan mengasingkan berbagai-bagi kaum telah menggalakkan perkembangan semangat perkauman yang menebal. Keadaan ini telah menjadi penghalang kepada usaha Tanah Melayu ke arah pembinaan negara bangsa apabila tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957.

Kedudukan Sekolah Cina Semasa Penjajahan British

Sejarah perkembangan sistem pendidikan Cina di Tanah Melayu bermula sejak penghijrahan masuk orang Cina pada awal abad ke-19.¹ Imigran Cina bukan sahaja membawa bersama-sama adat, kepercayaan, agama dan kebudayaan, tetapi

¹ Untuk keterangan lanjut tentang sejarah penghijrahan masuk imigran Cina ke Tanah Melayu, lihat Lin Yuanhui & Zhang Yinglong, Xinjiapo Malaixiya huqiaoshi, (Sejarah *Huaqiao* di Singapura dan Malaysia), Guangdong Higher Education Press, Guangdong, 1991, hlm.94-140; Xu Yunqiao, “Zhonghua Minzu tuo zhi Malaibandao kao”, (Sejarah Penempatan Orang Cina di Semenanjung Tanah Melayu), dalam Buku Cenderamata Sempena Ulangtahun ke-54 Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Jawatankuasa Pendidikan & Kebudayaan DPCS, Kuala Lumpur, 1982, hlm.507-549; Yen Ching-hwang, A Social History of the Chinese in Singapore and Malaya, 1800-1911, Oxford University Press, New York, 1986.

juga sistem pendidikan mereka ke Tanah Melayu. Masyarakat Cina amat mementingkan pendidikan dan memberi penghormatan yang tinggi kepada pendidikan. Mereka telah mendirikan sekolah Cina melalui usaha orang perseorangan dan persatuan bagi mengekalkan warisan budaya dan bahasa mereka. Hal ini dapat dibuktikan dengan pembinaan sekolah Cina di mana sahaja terdapat penempatan orang Cina.

William Milne, seorang mubaligh, telah melaporkan bahawa terdapat tiga buah sekolah Cina di Melaka pada tahun 1815.² Pada tahun 1829, tiga buah sekolah Cina telah beroperasi di Singapura.³ Kebanyakan penulisan tentang sejarah pendidikan Cina pula menganggap *Wu Fu Shuyuan* yang ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1819 sebagai sekolah Cina pertama di Malaya.⁴ Tan

² William Milne, A Retrospect of the First Ten Years of the Protestant Mission to China, The Anglo-Chinese Press, Malacca, 1920, hlm.149-151. Penulisan-penulisan yang menganggap tahun 1815 sebagai titik permulaan pendidikan Cina di Malaya, antara lain ialah Yen Ching-hwang, Xinma Huaren shehui shi, (Sejarah Masyarakat Cina di Singapura dan Malaysia), Su Mingxian (terj.), Zhongguo Huaqiao Chuban Gongsi, Peking, 1991, hlm.277; Ke Mulin & Lin Xiaosheng, Xinhua lishi yu renwu yanjiu, (Kajian Sejarah dan Kebudayaan Cina di Singapura), South Seas Society, Singapore, 1986, hlm.73; Francis Wong Hoy Kee & Ee Tiong Hong, Education in Malaysia, hlm.11.

³ Wen Jian, “Xinma jiaoyu shihua”, (Sejarah Pendidikan di Singapura dan Malaysia), Nanyang Wenzhai, Vol. 14, No. 9, 1973, hlm.603-604; Song Ong Siang, One Hundred Years’ History of the Chinese in Singapore, University of Malaya Press, Singapore, 1967, hlm.26.

⁴ Kua Kia Soong, Malaixiya Huajiao fendoushi, (Sejarah Perjuangan Pendidikan Cina di Malaysia), DPCS, Kuala Lumpur, 1991, hlm.1; Kuang Guoxiang, “Mahua jiaoyu shi”, (Sejarah Pendidikan Cina di Malaysia), Nanyang Wenzhai, Vol.8, No.11, 1967, hlm.749; Kuang Guoxiang, “Nianwunian lai de Mahua jiaoyu”, (25 Tahun Pendidikan Cina di Malaysia), dalam Sin Pin Jit Pao Silver Jubilee Souvenir Book 1939-1964, Sin Pin Jit Pao, Pulau Pinang, 1964, hlm.26; Liu Chonghan, Malaixiya Huawen jiaoyu fazhan jianshi, (Sejarah Ringkas Pendidikan Cina di Malaysia), GPGSCM, Kuala Lumpur, 1992, hlm.1; Zheng Yongchang, “Cong Dongnanya de fazhan kan Dama Huawen jiaoyu de qiji”, (Tinjauan Tentang Peluang Pendidikan Cina di Malaysia Berdasarkan Perkembangan di Asia Tenggara), dalam Zhu Hongyuan (pnyt.), Dongnanya Huaren jiaoyu lunwenji, (Koleksi Penulisan Tentang Pendidikan Cina di Asia Tenggara), Pingdong Shifan Yueyuan, Pingdong, 1995, hlm.316.

Yeok Seong mencadangkan tahun 1849 sebagai titik permulaan sistem pendidikan Cina apabila *Chongwen Ge* dibuka di Teluk Ayer, Singapura.⁵ Pengkaji Tay Lian-soo pula berpendapat bahawa penubuhan *Cuiying Shuyuan* tahun 1854 di Singapura dan *Nanhua Yixue* 1888 di Pulau Pinang merupakan sekolah Cina terawal di Malaya.⁶

Walaupun terdapat perbezaan pendapat tentang tarikh permulaan perkembangan sekolah Cina di Tanah Melayu, namun satu hakikat yang tidak dapat dipertikaikan ialah sehingga tahun 1884, sudah terdapat sebanyak 52 buah sekolah Cina di Pulau Pinang, 51 di Singapura dan 12 di Melaka.⁷ Secara amnya, sekolah-sekolah Cina awal ini⁸ merupakan sebuah bilik darjah di dalam bangunan sementara yang terletak dalam kawasan tokong, dewan pesaka, rumah perniagaan atau rumah kediaman seorang ketua masyarakat Cina. Keadaan fizikal dan

⁵ Tan Yeok Seong, *Yeyinguan Wencun*, South Seas Society, Singapore, Vol.2, 1984, hlm.307-309.

⁶ Tay Lian-soo, “Lun Dama Huawen jiaoyu de luodi shenggen”, (Perbincangan Mengenai Pertumbuhan dan Perkembangan Pendidikan Cina di Malaysia), Kertas Kerja ‘International Conference on Chinese Education in Southeast Asia’, Taiwan, 1994, hlm.1. Untuk maklumat tentang *Cuiying Shuyuan* dan *Nanhua Yiyue*, lihat Tan Yeok Seong, “Mahua jiaoyu jin bainianshi hulun”, (Sejarah Pendidikan Cina 100 Tahun di Malaya), dalam Liu Wenqu (pnyt.), *Zhe bange shiji*, (Setengah Abad), Kwong Hua Jit Pao, Pulau Pinang, 1960, hlm.164-166.

⁷ Lee Ting Hui @ Lee Ah Chai, “Policies and Politics in Chinese Schools in the Straits Settlements and the Federated Malay States, 1786-1941”, hlm.1.

⁸ Sekolah Cina awal ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu (a).Sekolah awam (Public school)—sekolah yang ditubuhkan oleh jawatankuasa yang mempunyai perlembagaan lengkap, (b).Sishu (private school)—sekolah yang dikendalikan oleh guru-guru yang bergantung kepada bayaran yuran, dan (c).Pseudo-public school—sekolah yang didirikan oleh seorang guru atau lebih yang memilih sendiri ahli jawatankuasa, guru besar dan guru bagi menguruskan sekolah; lihat V.Purcell, *The Chinese in Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm.229-230; *Annual Reports on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the Year 1937*, Government Printing Office, 1938, hlm.31.

kemudahan sekolah Cina ini amat tidak memuaskan. Kebanyakannya “... poorly managed, and buildings and equipment, especially playground facilities, were inadequate, and the teachers had the least qualifications for their responsible calling. The multiplicity of dialects spoken by the Chinese made matters worse...”⁹ Dari segi kurikulumnya pula, sekolah Cina jenis tradisional ini mempunyai struktur sukanan pelajaran yang sama seperti di negara China.¹⁰ Dialek tempatan digunakan sebagai bahasa pengantar. Buku-buku teks dibawa dari negara China dan guru-guru yang mengajar adalah terdiri daripada guru terlatih di negara China. Selain daripada belajar kaligrafi, pelajar juga mempelajari ilmu kira-kira dengan menggunakan abakus.

Walau bagaimanapun, pendidikan Cina telah mula mengalami proses modenisasi apabila Gerakan Pemulihan dilancarkan oleh Kang Yu-wei di negara China pada tahun 1898. Ramai pemimpin masyarakat Cina menyambut baik kurikulum pendidikan baru yang menggabungkan pelajaran Confucius dengan

⁹ Ho Seng Ong, Education for Unity in Malaya: An Evaluation of the Educational System of Malaya with Special Reference to the Need for Unity in its Plural Society, hlm.52-53.

¹⁰ Secara amnya, kurikulum sekolah Cina tradisional meliputi “Trimetrical Classic”, “Century of Surnames”, “Millenary Classic” dan “Odes for Children”. Selanjutnya murid-murid diajar “The Canons of Filial Piety” dan “The Four Books” (Great Learning, Doctrine of the Mean, Analects dan Mencius); lihat V.Purcell, The Chinese in Malaya, hlm.224-225. Pelajar-pelajar yang maju akan diajar “The Five Classic” (The Book of Odes, The Book of History, The Book of Changes, The Book of Rites, and The Spring and Autumn Annals); lihat Lee Ting Hui @ Lee Ah Chai, “Policies and Politics in Chinese Schools in the Straits Settlements and the Federated Malay States, 1786-1941”, hlm.3.

sains barat.¹¹ Sekolah Cina moden pertama yang berdasarkan kurikulum baru ini, iaitu Sekolah Chung Hwa, dibina di Pulau Pinang pada tahun 1904.¹²

Seterusnya, satu lagi pembaharuan yang melanda pendidikan Cina di Tanah Melayu ialah pertukaran bahasa pengantar dari dialek tempatan kepada bahasa Cina ekoran daripada peristiwa Gerakan 4 Mei 1919 yang menjadikan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi negara China. Buku-buku teks mula memasukkan semangat nasionalisme dan aspirasi politik negara China. Guru-guru terlatih dari negara China juga menyebarkan perasaan anti-penjajah khasnya sentimen anti-British melalui saluran pendidikan.

Sepanjang abad ke-19 dan dua dekad pertama abad ke-20, Kerajaan British merasa tidak perlu untuk menyediakan pendidikan dalam bahasa Cina bagi orang Cina yang dianggap sebagai penduduk asing yang sementara. Oleh itu, Kerajaan British mengamalkan pendekatan bebas atau *laissez faire* terhadap pembinaan dan pembiayaan sekolah Cina. Dasar penjajah yang liberal ini telah menyebabkan pertumbuhan sekolah Cina yang diusahakan oleh masyarakat

¹¹ Dalam kurikulum baru ini, selain daripada mempelajari klasik lama, mata pelajaran seperti Sejarah, Ilmu Alam, Sains, Moral, Bahasa, Ilmu Hisab, Lukisan, Nyanyian dan Pendidikan Jasmani telah diperkenalkan. Abu Zahar Abu Bakar, Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia, hlm.22.

¹² Untuk keterangan lanjut mengenai Sekolah Chung Hua ini, lihat Tan Yeok Seong, "Malaixiya Huawen jiaoyu fazhan shi", (Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina di Malaysia), dalam Song Yunzheng (pnyt.), Malaiya xinzhi, (Catatan Baru Malaya), China Press, Kuala Lumpur, 1957, hlm.284-286.

Cina.¹³ Di antara tahun 1911-1919, terdapat lebih daripada 56 buah sekolah Cina baru telah dibuka di Negeri-Negeri Selat (NNS) dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Sehingga tahun 1920, terdapat sebanyak 313 buah sekolah Cina di NNS dan 181 lagi di NNMB.¹⁴

Hanya selepas tahun 1920 apabila sekolah Cina dijadikan tempat subversif dan politik terutamanya penyebaran dakyah anti-British, barulah kerajaan British meluluskan *Ordinan Pendaftaran 1920* mewajibkan sekolah-sekolah tersebut diperiksa dan dikawalselia. Ordinan tersebut antara lain menetapkan Pengarah Pelajaran mempunyai kuasa untuk menutup sekolah yang tidak mengikut peraturan-peraturan tentang kurikulum, pengurusan dan kesihatan yang ditetapkan

¹³ Perkembangan pesat dalam pendidikan Cina ini sememangnya tidak dapat mengetepikan peranan yang dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan Cina, sama ada persatuan dialek mahupun persatuan keluarga. Misalnya Leong San Tong Kongsi Pulau Pinang mendirikan Sekolah Sin Kang, 1906, Persatuan Kaying Perak (Sekolah Yuk Choy 1908), Ng Fook Thong Temple Cantonese District Association Pulau Pinang (Sekolah Shang Wu 1909), Kwang Tung & Teng Chow Association Pulau Pinang (Sekolah Kong Min 1909), Kheng Chew Hooi Kuan Pulau Pinang (Sekolah Aik Hua 1913), Persatuan Hokkien Negeri Sembilan (Sekolah Chung Hua 1913), Persatuan Fui Chiu Selangor (Sekolah Tsun Jin 1914), Eng Chuan Tong Kongsi Pulau Pinang (Sekolah Eng Chuan 1917), Kar Yin Fui Kon Selangor (Sekolah Chung Kwo 1917), Persatuan Hokkien Perak (Sekolah Poi Nam 1917), Persatuan Keng Chew Selangor (Sekolah Chiao Nan 1917), Persatuan Teochew Pulau Pinang (Sekolah Han Jiang 1919), dan Poe Soo Tong Cheah Kongsi Pulau Pinang (Sekolah Yu Chye 1920); lihat Wu Hua, "Dama huaren shetuan de fanzhan yu gongneng", (Perkembangan dan Peranan Pertubuhan Sosial Cina di Malaysia), dalam Sin Chew Jit Poh 55 Tahun 1929-1984, Sin Chew Jit Poh, Petaling Jaya, 1984, hlm.107-116; Jiao Zong 33 Nian, (Jiao Zong 33 Tahun), GPGSCM, Kuala Lumpur, 1987, hlm.915-932.

¹⁴ Tay Lian-soo, "Xinma zhanqian de Huawen jiaoyu", (Pendidikan Cina di Singapura dan Malaya Sebelum Perang), dalam Tay Lian-soo, Malaixiya Xinjiapo Huaren wenhushi luncong, (Perbincangan Tentang Kebudayaan Cina di Singapura dan Malaysia), South Seas Society, Singapore, 1986, Vol.2, hlm.95.

oleh Kerajaan British. Selain itu, Ordinan tersebut juga mewajibkan semua guru, sekolah dan pengelolanya berdaftar dan diseliakan oleh Pengarah Pelajaran.¹⁵

Tindakan Kerajaan British tersebut telah menimbulkan bantahan keras daripada masyarakat Cina, terutamanya guru-guru dan ketua-ketua komuniti Cina yang bertanggungjawab terhadap penyeleggaraan dan pembiayaan sekolah-sekolah Cina. Selain daripada menghantar surat rayuan dan mengadakan “*signatory campaign*” untuk membantah ordinan tersebut, komuniti Cina juga meminta Kerajaan China berunding dengan Kerajaan British di NNS dan di London.¹⁶ Namun, desakan dan tentangan dilakukan oleh masyarakat Cina untuk mengekalkan autonomi sekolah Cina tidak berjaya. Kerajaan British tidak sedikit pun berganjak, ordinan tersebut terus dikuatkuasakan dan dilaksanakan. Sebagai hasilnya, bilangan sekolah Cina yang berdaftar di NNMB pada tahun 1922 adalah

¹⁵ Mok Soon Sang & Lee Shok Mee, Pendidikan di Malaysia, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988, hlm.23. Untuk maklumat lengkap tentang Ordinan Pendaftaran Sekolah 1920, lihat Yung Yuet-hing, “Contributions of the Chinese to the Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States 1900-1941”, hlm.311-318.

¹⁶ Perwakilan ke Peking adalah diketuai oleh Yu Pei-ka, Guru Besar Sekolah Perempuan Nanyang Singapura, manakala delegasi yang diketuai oleh Ching Loh-shun dan Wu Yuan-ho, dua orang pendidik dari Pulau Pinang dihantar ke London. Delegasi-delegasi ini mendesak Kerajaan British supaya sekolah-sekolah Cina di NNS dan NNMB dikecualikan daripada penguatkuasaan ordinan itu. Pada masa yang sama, Kerajaan China turut menghantar wakil melalui konsolnya di NNS dan NNMB untuk membantah tindakan Kerajaan British serta mendesak agar sekolah-sekolah Cina dikecualikan daripada sekatan-sekatan tersebut. Lihat Lim Chooi Kwa, “Malaixiya chengli qian Huawen jiaoyu de fazhan yu jiaoyu zhengce de chongtu”, (Perkembangan dan Konflik Pendidikan Cina Dengan Dasar Pendidikan Sebelum Pembentukan Malaysia), Kertas Kerja dalam *International Conference on Culture Conflict and Unity in Southeast Asia* anjuran Persekutuan Dewan-Dewan Perhimpunan Cina Malaysia, Persatuan Alumni Fakulti Pengajian Tionghua Universiti Malaya dan University of Fo Guang Taiwan bertempat di Chengshi Shuyuan, Kuala Lumpur pada 4-5 Januari 1997, hlm.2.

177 buah, manakala di NNS adalah 215 buah (91 di Singapura, 58 di Pulau Pinang dan 12 di Melaka).¹⁷

Ordinan Pendaftaran Sekolah merupakan satu titik peralihan dalam sejarah perkembangan pendidikan Cina kerana “...by enquiring all Chinese schools to register under the provisions of the Ordinance, had accepted Chinese vernacular education as part of its education system”.¹⁸ Justeru itu, Kerajaan British mula memberi bantuan kewangan kepada sekolah Cina mulai tahun 1924. Sementara itu, Kerajaan British juga melantik seorang Eropah sebagai Penolong Pengarah Pelajaran yang mempunyai tugas-tugas berhubung dengan pelajaran Cina ke NNS pada tahun 1924, dan seorang lagi ke NNMB pada tahun 1931. Mereka dibantu oleh Nazir Sekolah Cina dan Penolong Nazir Sekolah.

Walau bagaimanapun, memandangkan kebangkitan semangat kebangsaan Cina tidak dapat disekat malah bertambah hebat, Kerajaan British telah bertindak lebih tegas lagi bagi mengawal aktiviti, kurikulum dan pentadbiran sekolah Cina mulai tahun 1924. Geran peruntukan merupakan salah satu daripada cara yang dilakukan oleh kerajaan British untuk mengetatkan pengawalan ke atas sekolah Cina. Sebelum ini, hanya sekolah Cina yang dikelolakan oleh mubaligh Kristian dan juga kelas bahasa Cina di “Free School” sahaja yang layak menikmati faedah

¹⁷ Suen Y-chern, “Chinese Education and Government Policy in Malaya”, hlm.50.

¹⁸ Yung Yuet-hing, “Contribution of the Chinese to Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States, 1900-1941”, hlm.71.

bantuan kewangan kerajaan.¹⁹ Dalam hal ini, Gabenor Sir Lawrence Guillemard telah terus terang meminta Kerajaan British membiayai pendidikan Cina “*as a means of tightening Government control*”.²⁰

Namun, komuniti Cina bimbang pemberian bantuan kewangan oleh kerajaan “*would eventually force Chinese education out of its existence*”.²¹ Ini adalah kerana Kerajaan British hanya memberikan bantuan kewangan kepada sekolah Cina yang menggunakan dialek tempatan sebagai bahasa pengantar. Keadaan ini telah menimbulkan perasaan bimbang dan cemas di kalangan orang Cina. Masyarakat Cina beranggapan bantuan kewangan itu adalah “*... a bait to lure Chinese schools into submitting themselves to undue Government interference, and then to their eventual extinction*”.²²

Maka tidak hairanlah sekolah Cina pada umumnya enggan menerima bantuan kewangan daripada kerajaan kerana takut hilang kuasa autonomi mereka

¹⁹ Prinsip-prinsip pemberian bantuan kewangan seperti yang diterangkan oleh Laporan Pelajaran tahun 1923 adalah: (a). Sekolah Cina yang menggunakan dialek murid-murid itu sendiri sebagai bahasa pengantar; (b) Pengajaran mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah Cina tidak akan diberikan bantuan kewangan; (c). Sekolah Cina boleh menjalankan pengajaran bahasa Mandarin/bahasa Inggeris, tetapi mata pelajaran tersebut tidak layak memohon peruntukan; (d) Kanak-kanak Cina yang berumur 10 tahun yang ingin meneruskan pendidikan dalam bahasa ibunda, boleh diberikan bantuan kewangan. Bagi mereka yang ingin belajar di sekolah Inggeris, sejumlah tempat percuma akan diperuntukkan bagi mereka yang terpilih dan telah tamat pendidikan dasar tiga tahunnya di sekolah Cina; dan (e). Peruntukan kewangan untuk sukanan pelajaran terutamanya mata pelajaran Matematik dan geografi sebagai persediaan untuk memasuki sekolah Inggeris. Lihat T.R. Doraisamy, 150 Years of Education in Singapore, Teachers' Training College, Singapore, 1969, hlm.88-89.

²⁰ Ibid., hlm.95.

²¹ Yung Yuet-hing, Contribution of the Chinese to Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States, 1786-1941”, hlm.79.

²² Ibid.

serta kepupusan sekolah Cina. Pada tahun 1923, hanya 9 daripada 134 buah sekolah Cina yang layak di NNMB mengemukakan permohonannya.²³ Sehingga tahun 1927, bilangan sekolah Cina yang memohon bantuan kewangan masih kecil, iaitu 5 di NNS dan 59 di NNMB.²⁴ Pengarah Pelajaran NNS mengakui bahawa “...Chinese schools in the Straits Settlements have not, generally speaking, shown any desire to seek Government assistance or to submit to the slightest measure of control involved by the acceptance of a grant.”²⁵

Tambahan pula, bantuan kewangan yang kecil jumlahnya kepada sekolah Cina berbanding dengan sekolah berpengantar bahasa Inggeris juga tidak menggalakkan permohonan daripada sekolah-sekolah Cina. Sepanjang tahun 1924 hingga tahun 1938, purata kos per kapita kepada sekolah Cina di NNS dan NNMB tidak pernah melebihi \$11 setahun. Secara bandingannya, pada tahun 1929, purata kos per kapita kepada sekolah-sekolah Cina di NNMB adalah sebanyak \$9.78 berbanding dengan sekolah Inggeris kerajaan \$87.50 dan sekolah Inggeris separa bantuan \$54.00.²⁶ Bagaimanapun, Sir Cecil Clementi

²³ Ibid. Sekolah Confucian Kuala Lumpur merupakan sekolah Cina yang pertama memohon bantuan kewangan daripada kerajaan British, lihat “Jiaoyu zhengce yu Huawen jiaoyu”, (Dasar Pendidikan dan Pendidikan Cina), Kertas Kerja (5) Seminar Permasalahan Sekolah Rendah Cina anjuran bersama Jiao Zong, Dong Zong, dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan SRJK(C) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Selangor, di Federal Hotel, Kuala Lumpur pada 30-31 Mei 1987, hlm.6.

²⁴ Lim Chooi Kwa, “Malaixiya chengli qian Huawen jiaoyu de fazhan yu jiaoyu zhengce de chongtu”, (Perkembangan dan Konflik Pendidikan Cina Dengan Dasar Pendidikan Sebelum Pembentukan Malaysia), hlm.2.

²⁵ T.R. Doraisamy, 150 Years of Education in Singapore, hlm.89.

²⁶ Yung Yuet-hing, “Contribution of the Chinese to Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States, 1786-1941”, hlm.82.

menghentikan bantuan kewangan kepada sekolah Cina ekoran daripada kemelesetan dunia pada tahun 1932.²⁷

Kawalan ketat ke atas sekolah Cina juga dilakukan menerusi pindaan *Ordinan Perdaftaran Sekolah* pada tahun 1925. Pindaan itu antara lain memberikan kuasa tambahan kepada Pengarah Pelajaran untuk menolak pendaftaran seseorang guru yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dianggap subversif.²⁸ Akibat daripada pindaan ini, sebanyak 315 buah sekolah Cina telah dibatalkan pendaftarannya di antara tahun 1925 dan tahun 1928.²⁹ Pada tahun 1929 pula, Gabenor Sir Cecil Clementi yang menggantikan Guillermard sebagai Gabenor NNMB mengetatkan lagi kawalan ke atas sekolah Cina dengan mengamalkan polisi pendidikan yang memaksa orang-orang Cina dan India menerima pendidikan vernakular Melayu. Dalam hal ini, Clementi menekankan bahawa:

“Government should be prepared to supply that free primary education in Malay which is obtained at present in Malay vernacular schools not only to Malays but also to such pupils of British nationality of Chinese, Indians, and other races as might care to have it. If at any school the accommodation were insufficient Malays would be given preference.”³⁰

²⁷ Dasar baru Sir Cecil Clementi ini telah menimbulkan bantahan keras daripada George Maxwell, Penasihat Jawatankuasa Pelajaran di Pejabat Penjajahan, kerana “the new policy is a complete reversal of the consistent policy of many years concerning Chinese vernacular schools and Tamil vernacular schools”. Lihat Kok Loy Fatt, “Colonial Office Policy toward Education in Malaya, 1920-1940”, M.Ed. Thesis, University of Malaya, 1978, hlm.49.

²⁸ Abu Zahar Abu Bakar, Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia, hlm.25.

²⁹ Suen Y-chern, “Chinese Education and Government Policy in Malaya”, hlm.56.

³⁰ Loh Fook Seng, Philip, Seeds of Separatism: Education Policy in Malaya 1874-1940, hlm.131.

Bersetujuan dengan dasar tersebut, Cecil Clementi telah mengambil satu siri tindakan yang lebih drastik dan keras terhadap sekolah Cina bagi menyekat perkembangan sekolah Cina. Misalnya, beliau mencadangkan supaya “... Government should not in any way finance or encourage education in Chinese vernacular schools, either by the establishment of Government Chinese schools, primary or middle, or by the training of teachers....”³¹ Sementara itu, beliau juga mengambil tindakan bagi mengharamkan Parti Kuomintang yang mempunyai ahli-ahli yang terdiri daripada kebanyakan guru sekolah Cina. Selanjutnya, beliau membuat arahan supaya buku-buku teks yang dianggap subversif dilarang penggunaannya.³²

Walau bagaimanapun, apabila Shenton Thomas menjadi Gabenor NNS dan Pesuruhjaya Tinggi di Tanah Melayu pada penghujung tahun 1934, pendekatan yang lebih liberal terhadap perkembangan pendidikan Cina telah menjadi dasar Kerajaan British. Dalam hal ini, A.B. Jordan, Setiausaha Hal Ehwal Masyarakat Cina mencadangkan Kerajaan British “to try to wean the Chinese from vernacular education to English education”.³³ Akan tetapi, cadangan beliau ini tidak dapat dilaksanakan kerana penyediaan pendidikan Inggeris yang percuma kepada murid-murid Cina memerlukan kos sebanyak \$9 juta dan \$16

³¹ Ibid.

³² Pada tahun 1935, Kerajaan British mengharamkan 84 jenis bahan pengajaran yang terdiri daripada 136 buku teks dan buku rujukan yang dikeluarkan oleh 16 penerbit, lihat Zhou Yue, Dongnanya Huawen jiaoyu, (Pendidikan Cina di Asia Tenggara), University of Jinan Press, Guangzhou, 1995, hlm.130.

³³ Loh Fook Seng, Philip, Seeds of Separatism: Education Policy in Malaya 1874-1940, hlm.131.

juta jika diperluaskan kepada semua murid berbilang etnik.³⁴ Akhirnya, Shenton Thomas membuat keputusan untuk “*pursue a policy which could assist significantly the financing of Chinese education to enable constructive innovations to be undertaken under the supervision of the Education Department*”.³⁵ Dasar ini telah diluluskan oleh kerajaan British di London dan dilaksanakan pada penghujung tahun 1935. Perubahan-perubahan yang dilakukan termasuklah mengiktiraf Mandarin sebagai bahasa pengantar utama di sekolah Cina serta bahasa yang berkelayakan menerima bantuan kewangan dan dana kerajaan. Menjelang tahun 1938, peruntukan persekutuan kepada sekolah Cina bertambah berlipat ganda iaitu 5.1% berbanding dengan 1.6% pada tahun 1924.³⁶

Ringkasnya, dasar dan tindakan Kerajaan British untuk menyekat perkembangan sekolah Cina didapati tidak berkesan. Hal ini dapat dibuktikan melalui pembangunan pesat sekolah Cina. Bilangan sekolah Cina di NNS dan NNMB telah bertambah daripada 252 pada tahun 1921 kepada 1015 pada tahun 1938. Bilangan murid juga meningkat daripada 27,476 orang pada tahun 1924 kepada 91,534 orang pada tahun 1938. Jumlah guru di sekolah Cina pada tahun

³⁴ Tan Liok Ee, The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997, hlm.22.

³⁵ Loh Fook Seng, Philip, Seeds of Separatism:Education Policy in Malaya 1874-1940, hlm.100.

³⁶ Ibid., hlm.93.

1938 telah mencapai 3,985 orang berbanding dengan 589 orang pada tahun 1921.³⁷

Perkembangan pesat sekolah Cina pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an adalah didorong oleh pertumbuhan penduduk Cina di Tanah Melayu.³⁸ Misalnya, jumlah penduduk Cina pada tahun 1911 adalah 914,143 orang atau 35% daripada jumlah penduduk Tanah Melayu. Bilangan ini telah meningkat kepada 1,179,551 orang pada tahun 1921, 1,703,528 orang pada tahun 1931 dan 2,418,615 pada tahun 1941.³⁹ Pertambahan penduduk Cina terutama yang dilahirkan di Tanah Melayu telah mengakibatkan permintaan tinggi terhadap pendidikan. Pada tahun 1921, terdapat 230,221 orang kanak-kanak di bawah umur 15 tahun dan bilangan ini telah meningkat kepada 434,021 orang pada tahun 1931.⁴⁰ Bagi menampung pertambahan enrolmen ini, sekolah-sekolah Cina yang baru telah dibina. Selain

³⁷ Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the Year 1938, Government Printing Office, Singapore, 1939, hlm.207; Huaguang Yongyao, (Sinaran Pendidikan Cina), PPLPSCM, Kuala Lumpur, 1993, hlm.3.

³⁸ Pada tahun 1920-an, pendidikan Cina juga terus berkembang sehingga peringkat menengah rendah. Di antara sekolah-sekolah yang memulakan kelas menengah rendah ialah Sekolah Chung Ling di Pulau Pinang (1923), Sekolah Confucian di Kuala Lumpur, Sekolah Yuk Choy di Ipoh, Sekolah Chung Hua di Muar (1924) dan Sekolah Perempuan Kuen Cheng di Kuala Lumpur (1925). Pada tahun 1938, 36 buah sekolah Cina telah memulakan kelas menengah rendah tetapi dengan enrolmen pelajar yang hanya berjumlah 3,200 orang sahaja. Lihat Tan Liok Ee, "The Development of Education in Malaysia", Aliran, Vol.16, No.1, 1996, hlm.13-14. Pada tahun 1930-an pula, setengah-setengah sekolah Cina juga membuka kelas menengah atas sebagai satu langkah untuk membolehkan murid-murid menyambung pelajaran selama dua tahun lagi dan melayakkan diri sebagai guru sekolah menengah rendah. Di antara sekolah tersebut ialah Sekolah Chung Ling di Pulau Pinang (1931), Sekolah Confucian di Kuala Lumpur (1935), Sekolah Yuk Choy di Ipoh dan Sekolah Perempuan Kuen Cheng di Kuala Lumpur (1940). Lihat Mook Soon Sang & Lee Shok Mee, Pendidikan di Malaysia, hlm.24.

³⁹ Ooi Jin Bee, Land, People and Economy of Malaya, Longmans, Green & Co., London, 1963, hlm.113.

⁴⁰ Tan Liok Ee, The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961, hlm.33.

itu, sambutan baik masyarakat Cina terhadap pendidikan yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar juga menggerakkan perkembangan sekolah-sekolah Cina. Keadaan ini dapat dibuktikan melalui peratusan pendaftaran murid keturunan Cina yang tinggi di sekolah Cina berbanding dengan sekolah Inggeris. Di antara tahun 1924 dan tahun 1938, purata pelajar Cina berdaftar di sekolah Cina setiap tahun adalah 73.7% berbanding dengan 26.3% di sekolah Inggeris.⁴¹

Ringkasnya, sistem persekolahan Cina pada hakikat dan intisarinya, merupakan institusi warisan sekolah yang terdapat di negara China. Akibatnya murid-murid yang diorientasikan dalam sistem pendidikan sedemikian, pada keseluruhannya, adalah "*China-orientated in outlook*" dan bukan "*Malayan outlook*".⁴² Akibat daripada dasar *laissez faire* kerajaan British, pendidikan Cina berkembang pesat seiringan dengan sistem persekolahan Inggeris, Melayu dan Tamil dengan mengikut haluan masing-masing. Kemunculan sistem persekolahan majmuk ini tidak dapat melahirkan satu identiti bangsa. Lantaran itu, usaha penyatuan sistem pendidikan yang berbeza-beza ke arah pembangunan bangsa dan negara telah dilaksanakan selepas Perang Dunia Kedua.

⁴¹ Loh Fook Seng, Philip, Seeds of Separatism Education Policy in Malaya 1874-1940, hlm. 92.

⁴² Dalam hal ini, kritikan V.Purcell dapat memberikan satu gambaran yang jelas tentang masalah sistem pendidikan Cina ini, "...the Chinese schools were a source of embarrassment to the government; the teachers were nearly all China-born and often brought with them the problems of China. Chinese nationalism in its extreme form and some tenets that were inimical to the constituted governments of Malaya...Moreover the whole tone of the curriculum was unfavourable to the cultivation of Malayan nationality and inculcated racial separation." Lihat V. Purcell, Malaya, Outline of a Colony, Thomas Nelson & Sons Ltd., London, 1946, hlm.102.

Kedudukan Sekolah Cina dalam Ordinan Pelajaran 1952

Semasa pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu (15 Februari 1942 hingga 12 September 1945), pendidikan telah menjadi satu alat untuk menanam semangat taat setia terhadap Maharaja Jepun, pembentukan akhlak dan disiplin, serta kepatuhan kepada Kerajaan Jepun. Bersesuaian dengan ideologi penjajahan ke arah “*Lingkungan Kemakmuran Bersama*” dan *Hakko Ichiu* (Universal Brotherhood), bahasa Jepun atau “*Nippon-go*” diwajibkan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah dan juga sebagai lingua franca di kalangan rakyat Tanah Melayu. Ringkasnya, dasar pendidikan yang diamalkan oleh Jepun ialah sekolah-sekolah vernakular untuk orang-orang Melayu dan India diteruskan seperti sebelumnya, tetapi dengan tambahan bahasa Jepun dan berorientasikan negeri Jepun. Sebaliknya tentera Jepun menujuhkan Sekolah Nippon-Go bagi menggantikan sekolah-sekolah Cina dan Inggeris.⁴³

Apabila Jepun menyerah kalah, pihak British telah kembali ke Tanah Melayu. Pada tahun 1946, Malayan Union telah diperkenalkan bagi memenuhi hasrat kerajaan British untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahannya. Kerajaan British sedar bahawa sistem persekolahan vernakular yang berbeza-beza bahasa pengantar perlu diseragamkan untuk menyatukan masyarakat berbilang kaum. Oleh itu, Jawatankuasa Penasihat Pusat Mengenai Pendidikan ditubuhkan pada tahun 1949 untuk menasihati kerajaan tentang dasar dan prinsip-prinsip

⁴³ Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Pendidikan Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1986, hlm.6.

umum yang perlu diikuti dalam pendidikan bagi mengurangkan perbezaan kaum dan mengintegrasikan semua kaum ke arah satu negara yang bersatu.⁴⁴ Untuk mencapai tujuan ini, Jawatankuasa tersebut mencadangkan supaya “*the ultimate desirable objective should be free primary education in the medium of English*”.⁴⁵

Namun demikian, usul yang dicadangkan itu mendapat tentangan hebat dalam Majlis Perundangan Persekutuan.⁴⁶ Selanjutnya, kerajaan British telah membentuk sebuah jawatankuasa untuk meneliti dan mengkaji sistem persekolahan vernakular Melayu pada 25 Julai 1950. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh L.J. Barnes, Pengarah Latihan Sosial dari Universiti Oxford, England.⁴⁷ Serentak itu, Pesuruhjaya Tinggi, Sir Henry Gurney juga mengambil langkah proaktif untuk menuju sebuah jawatankuasa lagi untuk mengkaji

⁴⁴ Federation of Malaya, Report of the Central Advisory Committee on Education, Government Printers, Kuala Lumpur, 1950, Perenggan 1; Lihat juga “First Report of the Central Advisory Committee on Education”, dalam Minutes and Council Papers of the Federal legislative Council (Third Session), February 1950 to January 1951, Government Press, Kuala Lumpur, 1954, hlm. B248.

⁴⁵ Ibid., Perenggan 5.

⁴⁶ Oleh kerana tentangan kuat daripada ahli Majlis Perundangan Persekutuan, M.R. Holgate, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Pusat Pelajaran mengusulkan “*ultimate desirable objective*” tersebut dimansuhkan. Federation of Malaya, Proceedings of the Legislative Council of the Federal of Malaya for the Period (Third Session), February, 1950 to January 1951, Government Press, Kuala Lumpur, 1953, hlm.335.

⁴⁷ Tugas Jawatankuasa Barnes antara lain ialah mengkaji sistem persekolahan vernakular Melayu, cara meningkatkan taraf pencapaian murid-murid di sekolah Melayu, cara pemilihan murid Melayu memasuki latihan perguruan, mengkaji kurikulum dalam latihan perguruan dan langkah yang perlu bagi meningkatkan peluang murid Melayu mendapat pendidikan Inggeris.

sistem pendidikan Cina. Jawatankuasa ini adalah diketuai oleh dua orang pakar pendidikan Cina, iaitu Dr. William P. Fenn dan Dr. Wu Teh Yao.⁴⁸

Pada asasnya, Laporan Barnes yang diterbitkan pada bulan Jun 1951 memperakukan sekolah rendah “*should be purposely used to build up a common Malayan nationality*”.⁴⁹ Berdasarkan kefahaman ini, Jawatankuasa Barnes mengesyorkan sekolah rendah vernakular yang berbeza-beza mengikut kaum dimansuhkan dan digantikan dengan sekolah dasar yang sama untuk semua kaum, iaitu Sekolah Kebangsaan. Laporan Barnes mencadangkan agar orang-orang Cina dan India akan disuruh untuk meninggalkan sekolah vernakular mereka secara beransur-ansur dan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan.⁵⁰ Misalnya, Laporan Barnes menyatakan:

⁴⁸ Menurut kajian Tan Liok Ee, empat hari selepas pembentukan Jawatankuasa Barnes iaitu pada 29 Julai 1950, Sir Henry Gurney telah menulis surat kepada *Secretary of State for the Colonies* mencadangkan agar satu lagi jawatankuasa dibentuk untuk mengkaji masalah berkaitan dengan pendidikan Cina. Jawatankuasa ini kemudiannya dikenali sebagai Jawatankuasa Fenn-Wu. Perlantikan secara rasmi dua pakar pendidikan Cina ini adalah dibuat pada bulan Disember 1950. Lihat Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997, hlm.50. Pada awalnya, bidang tugas yang ditetapkan oleh kerajaan British kepada Jawatankuasa Fenn-Wu ialah untuk merapatkan jurang perbezaan di antara sistem persekolahan bercorak perkauman dengan sistem pendidikan akan datang yang tidak berdasarkan perkauman dengan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa-bahasa lain sebagai mata pelajaran pilihan. Walau bagaimanapun, setelah menerima protes, Sir Henry Gurney akhirnya bersetuju dengan kenyataan matlamat yang digariskan oleh Jawatankuasa Fenn-Wu iaitu “...to survey sympathetically but objectively the entire field of the education of Chinese in Malaya, and to recommend such constructive changes and improvements as would lead to the Chinese schools making the greatest contribution to the future welfare and happiness of the people of Malaya and in particular of the Chinese who have chosen that prosperous land as their home”. Federation of Malaya, *Chinese Schools and the Education of Chinese Malaysians: The Report of a Mission Invited by the Federation Government to Study the Problem of the Education of Chinese in Malaya*, Government Press, Kuala Lumpur, 1951, Bab I, Perenggan 11, hlm.3

⁴⁹ Federation of Malaya, *Report of the Committee on Malay Education*, Government Printer, Kuala Lumpur, 1951, Chapter XII.

⁵⁰ *Ibid.*, Perenggan 17.

“..the end of separate vernacular schools for the several racial communities, and their replacement by a single type of primary school common to all...this end can come only gradually, vernacular schools will continue for some years, concurrently with the development of the National School.”⁵¹

Bersetujuan dengan cadangan pembubaran sekolah vernakular, Jawatankuasa Barnes seterusnya mengusulkan bahawa Sekolah Kebangsaan yang ditubuhkan itu hendaklah menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya.⁵² Tambahan lagi, Sekolah Kebangsaan ini juga tidak memberi sebarang pengiktirafan kepada bahasa-bahasa ibunda kumpulan-kumpulan etnik lain, Tiada peruntukan dalam Laporan Barnes yang mewajibkan supaya kemudahan disediakan untuk mempelajari bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa ketiga di Sekolah Kebangsaan. Berdasarkan cadangan yang dikemukakan, ternyata Jawatankuasa Barnes berhasrat untuk mengadakan sebuah sekolah *bilingual* sebagai langkah bagi memupuk integrasi di antara kaum di Tanah Melayu.

Pada keseluruhannya, Laporan Barnes penting kerana buat pertama kalinya pendidikan dianggap sebagai alat penting untuk mengintegrasikan semua kaum ke arah pembinaan satu negara yang bersatu padu. Dalam konteks ini, Laporan Barnes ternyata berusaha untuk mengurangkan sistem persekolahan

⁵¹ Ibid., Bab XII, Perenggan 4.

⁵² Ibid., Perenggan 4. Menurut Tan Liok Ee, Sekolah Kebangsaan baharu ini “should teach both Malay and English to produce students who would be effectively bilingual. They would then be able to progress smoothly to secondary and tertiary education which would be available only in English”. Lihat Tan Liok Ee, The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961, hlm.57-58.

majmuk yang menghalang proses integrasi sosial dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum. Lantaran itu, Laporan tersebut tidak memberi sebarang pengiktirafan kepada sekolah vernakular Cina dan Tamil sebagai salah satu komponen dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Secara bandingan, Laporan Fenn-Wu yang dikeluarkan dalam bulan Julai 1951 bertentangan dengan Laporan Barnes berhubung dengan falsafah pembentukan sistem pendidikan bercorak kebangsaan.⁵³ Jawatankuasa Fenn-Wu sangat bersimpati dengan pendidikan Cina. Pada asasnya, Laporan Fenn-Wu menyokong pengekalan sistem persekolahan majmuk. Justeru ia tidak bersetuju dengan segala bentuk kawalan terhadap rakyat berbilang kaum untuk mempelajari satu atau dua bahasa sahaja kerana tindakan tersebut dipercayai “...will not provide a healthful atmosphere for community understanding and national unity”.⁵⁴

Berdasarkan fahaman ini, Jawatankuasa Fenn-Wu berpendapat bahawa kerajaan harus memberi pengiktirafan kepada bahasa Cina selain daripada bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan bertujuan untuk membentuk identiti kebangsaan. Berhubung dengan hal ini, Laporan Fenn-Wu menyarankan berikut:

⁵³ Untuk keterangan lanjut latar belakang Cina terutama mengenai misi Jawatankuasa Fenn-Wu dan dasar pendidikan kolonial, lihat Public Record Office (siri CO717) dalam simpanan perpustakaan Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia.

⁵⁴ Federation of Malaya, Chinese Schools and the Education of Chinese Malayans: The Report of a Mission Invited by the Federation Government to Study the Problem of the Education of Chinese in Malaya, Bab II, Perenggan 15, hlm.6.

“If it is recognized that Malay is an official language, that English is the nature of a lingua franca, and that Chinese has important cultural significance, it will be seen that Chinese Malayans are likely to choose to be trilingual and should be encourage to do so.”⁵⁵

Pada keseluruhannya, Laporan Fenn-Wu boleh dikatakan telah mencerminkan pandangan dan konsep masyarakat Cina terhadap pendidikan dalam hubungannya dengan perkembangan kebudayaan Cina keseluruhannya. Sebarang percubaan untuk menghapuskan bahasa Cina dianggap akan membawa kepupusan kebudayaan mereka. Justeru, untuk menjamin perwujudan dan perkembangan pendidikan Cina yang betul-betul berorientasikan Tanah Melayu, Laporan Fenn-Wu mengemukakan cadangan bagi mengatasi kelemahan sekolah vernakular Cina. Antaranya termasuklah menyediakan guru-guru terlatih melalui penubuhan Kolej Latihan Guru dan Latihan Dalam Perkhidmatan untuk sekolah-sekolah Cina (Bab V), menambahkan bantuan kewangan bagi pentadbiran sekolah Cina (Bab III) dan menyediakan buku-buku teks yang mengandungi bahan-bahan pelajaran tentang Tanah Melayu (Bab IV).⁵⁶

Dengan membentuk dua jawatankuasa yang berbeza objektif, kerajaan British telah membangkitkan kontradiksi etnik yang hangat bersangkutan dengan pendidikan. UMNO telah menyuarakan sokongan padu kepada Laporan Barnes.

⁵⁵ *Ibid.*, Bab VII, Perenggan 3, hlm.40.

⁵⁶ Federation of Malaya, Report on Chinese Education, Government Press, Kuala Lumpur, 1951; Bab IV, V Federation of Malaya, Chinese Schools and the Education of Chinese Malaysians: The Report of a Mission Invited by the Federation Government to Study the Problem of the Education of Chinese in Malaya, Government Press, Kuala Lumpur, 1951.

Misalnya, Dato' Abdul Razak berpendapat bahawa tidak sesiapa pun yang harus mempertikaikan penggunaan bahasa rasmi sebagai bahasa pengantar di Sekolah Kebangsaan kerana “*the Federal Agreement of 1948 stipulates that Malay and English shall be the official languages of the country*”.⁵⁷ Sementara Tunku Abdul Rahman menyeru kerajaan British supaya melaksanakan perakuan Laporan tersebut “*as soon as genuinely possible*”.⁵⁸

Sebalinya, Laporan Barnes telah mencetuskan tentangan yang hebat di kalangan masyarakat bukan Melayu. Mereka menganggap laporan tersebut sebagai satu percubaan yang berniat buruk untuk menindas sekolah vernakular dan akhirnya menghapuskan bahasa dan kebudayaan mereka. Misalnya satu persidangan yang dihadiri oleh pertubuhan-pertubuhan pendidikan dan kebudayaan India telah diadakan di Kuala Lumpur sebagai satu tindak balas terhadap Laporan Barnes. Perhimpunan di bawah naungan Kongres India se-Tanah Melayu ini mengecam Laporan Barnes dan meminta supaya pelaksanaanya ditangguhkan.⁵⁹

Presiden Perwakilan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Seluruh Malaya, Lim Lian Giok telah mengutuk Laporan Barnes kerana “*was prepared in a rather*

⁵⁷ Federation of Malaya, Proceedings of the Legislative Council of the Federation of Malaya for the Period (Fourth Session), February, 1951 to February, 1952, Government Printers, Kuala Lumpur, 1952, hlm.263.

⁵⁸ Ibid., hlm.260.

⁵⁹ Memorandum on India Education in the Federation of Malaya by The India Education Committee, 31 Ogos 1951.

*headless and dogmatic fashion, for neither the Chinese were consulted nor their opinion asked.*⁶⁰ Selain itu, Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur juga membidas Jawatankuasa Barnes “*beyond its terms of reference*” kerana hasil kajiannya bukan sahaja meliputi sistem persekolahan vernakular Melayu, tetapi juga semua jenis persekolahan di Persekutuan Tanah Melayu.⁶¹ Persatuan tersebut juga mendesak kerajaan British agar “*to formulate a fair-minded education scheme for Malaya*”⁶²

Pada masa yang sama, GPGSCM turut membantah Laporan Barnes yang mereka anggap sebagai bertujuan untuk menghapuskan semua sekolah vernakular di negara ini.⁶³ Gabungan persatuan tersebut mencadangkan supaya “*the equal opportunity to progress as other vernacular education*” dan “*to regard Chinese Education as an important link in the educational set-up in this country.*”⁶⁴

Sebagai suatu bantahan terhadap Laporan Barnes, Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur telah menganjurkan “Persidangan Perwakilan

⁶⁰ Memorandum on Chinese Education, presented by Lim Lian Geok, President of A Meeting of the Representatives of Chinese Teachers' Unions of Various States and Settlements of the Federation of Malaya, to the High Commissioner, 24 November 1951.

⁶¹ Kenyataan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur Mengenai Laporan Barnes, 23 Ogos 1951.

⁶² Fail GPGSCM/Laporan Barnes, Letter from The Chinese School Teachers' Association Kuala Lumpur to the Education Advisor to the Secretary of State for the Colonies, 24 November 1950, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁶³ Memorandum on Chinese Education, presented by UCSTAM to Dr. Victor Purcell, 9 September 1952.

⁶⁴ Memorandum on Chinese Education, presented by Representatives of the United Chinese School Teachers' Association, Federation of Malaya, to the Chairman of the Select Committee on Education, 1 September 1952.

Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Se-Malaya” di Persatuan Hokkien Kuala Lumpur pada 24 Ogos 1951.⁶⁵ Seramai 32 orang yang mewakili 17 Persatuan Guru Sekolah Cina seluruh Tanah Melayu telah menghadiri persidangan itu dan perbincangan tertumpu kepada Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu.⁶⁶ Persidangan tersebut mengkritik keras cadangan Laporan Barnes untuk memansuhkan sekolah vernakular itu adalah “terlalu berat sebelah, mengabaikan teori pembelajaran dan tidak praktikal”.⁶⁷ Sebaliknya persidangan memberi sokongan dan penghormatan tinggi kepada Laporan Fenn-Wu yang lebih bersikap objektif dan berpandangan tepat terhadap pendidikan Cina.⁶⁸

Berhubung dengan syor Laporan Fenn-Wu mengenai penyediaan buku-buku teks sekolah Cina yang berlatarbelakangkan kehidupan di Tanah Melayu

⁶⁵ Pergerakan penentangan masyarakat Cina terhadap Laporan Barnes akhirnya telah membawa kepada penubuhan GPGSCM. Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Melaka merupakan pertubuhan pertama yang mengusulkan penubuhan GPGSCM. Atas inisiatif Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Melaka, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, Persidangan Delegasi Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Se-Malaya Ke-2” dilangsungkan di Sekolah Menengah Confucion, Kuala Lumpur pada 24 Disember 1951. Sebagai hasil persidangan tersebut, GPGSCM ditubuhkan secara rasmi dan objektif utama penubuhannya adalah mempertahankan budaya Cina dan memelihara sekolah vernakular; bekerjasama rapat dengan kerajaan untuk memperbaiki taraf pendidikan Cina, dan mempertahankan status guru-guru dan memperbaiki kebajikan mereka. Lihat Surat dari Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Melaka kepada Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur, 5 Disember 1950; The Declaration of the Formation of the United Chinese School Teachers' Association, UCSCAM, Kuala Lumpur, 3 Februari 1952; lihat juga Teachers' Journal, Vol.11, No.3, 1976, hlm.2-3.

⁶⁶ Empat resolusi utama telah diluluskan dalam persidangan itu, iaitu (a).Menolak Laporan Barnes yang menyarankan penghapusan sekolah vernakular; (b).Merangka surat rayuan terhadap kedua-dua laporan pendidikan tersebut; (c).Menghantar satu memorandum yang antara lain mengemukakan permintaan untuk memasukkan pendidikan Cina ke dalam sistem pendidikan Malaya kepada kerajaan; (d).Membentuk GPGSCM dalam tempoh masa tiga bulan. Lihat Teachers' Journal, Vol. 11, No.2, 1976, hlm.1.

⁶⁷ “Quan Ma Huaxiao Jiaoshihui daibiao dahui xuanyan, 29 Ogos 1951”, (Deklarasi Persidangan Delegasi Persatuan Guru Sekolah Cina Seluruh Malaya, 29 Ogos 1951), dalam Jiao Zong 33 Nian, (Jiao Zong 33 Tahun), GPGSCM, Kuala Lumpur, 1987, hlm.300-301.

⁶⁸ Ibid.

pula, perwakilan membuat beberapa cadangan kepada kerajaan. Antaranya ialah kebudayaan Cina mesti menjadi teras isi kandungan buku-buku teks, pakar pendidikan Cina harus diundang untuk menjalankan tugas ini serta bahan kepentingan tempatan harus digunakan.⁶⁹ Susulan daripada persidangan tersebut, satu memorandum telah dipanjangkan kepada Pesuruhjaya Tinggi pada 24 November 1951. Dalam memorandum itu, masyarakat Cina meminta kerajaan British agar “schools of various races should be given equal treatment, facilitate the entry of Chinese school teachers into this country so as to solve the problem of shortage of teachers.”⁷⁰

Tegasnya, perbezaan falsafah dan pandangan yang agak ketara di antara Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu terhadap sistem pendidikan kebangsaan telah mencetuskan perbahasan secara terbuka berhubung dengan jenis sekolah yang hendak didirikan serta bahasa pengantar yang sesuai digunakan. Maka Jawatankuasa Penasihat Pusat Pelajaran telah dibentuk oleh kerajaan British untuk mengkaji kedua-dua laporan tersebut.⁷¹ Hasil Laporan Jawatankuasa ini telah diserahkan kepada sebuah Jawatankuasa Khas untuk dipertimbangkan dan

⁶⁹ Minit Mesyuarat Persidangan Delegasi Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Se-Malaya, 24 Ogos 1951.

⁷⁰ Memorandum on Chinese Education, presented by Lim Lian Giok, President of A Meeting of the Representatives of Chinese Teachers' Unions of Various States and Settlements of the Federation of Malaya, to the High Commissioner, 24 November 1951.

⁷¹ Federation of Malaya, Central Advisory Committee on Education: Report on the Barnes Report on Malay Education and The Fenn-Wu Report on Chinese Education, Government Press, Kuala Lumpur, 10 September 1951. Lihat juga “Central Advisory Committee on Education: Report on the Barnes Report on Malay Education and The Fenn-Wu Report on Chinese Education”, dalam Minitutes of the Legislative Council of the Federation of Malaya with Council Papers for the Period (Fourth Session), February, 1951 to February, 1952, Government Press, Kuala Lumpur, 1952, hlm. B374-B381.

memperakukan perundangan yang sesuai kepada kerajaan. Sebagai hasil penyelidikan, Jawatankuasa Khas 1951⁷² dengan tegasnya menyokong perakuan Laporan Barnes terutamanya menyuarakan sokongan kuat kepada penubuhan Sekolah Kebangsaan untuk menggantikan sistem persekolahan majmuk yang sedia ada.⁷³ Akhirnya, Laporan Jawatankuasa Khas itu telah dibentangkan di Majlis Perundangan Persekutuan dan diluluskan pada bulan September 1951 dan kemudiannya dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1952.

Pada dasarnya, Ordinan Pelajaran 1952 berusaha untuk mengurangkan jurang perbezaan di dalam sistem persekolahan majmuk yang wujud di Tanah Melayu dengan menjadikan bahasa-bahasa rasmi sahaja sebagai bahasa pengantar di sekolah. Berhubung dengan hal ini, Perenggan 9 Ordinan Pelajaran 1952 menyatakan bahawa:

*"The aim and purpose of the national educational policy of the Federation is to achieve a sound education to all children in the Federation using in the main, for this purpose, the official languages of the Federation and bringing together pupils of all races in a national type of school with a Malayan orientation."*⁷⁴

⁷² Ahli Jawatankuasa Khas ini terdiri M.J. Hogan (Pengerusi), Dato E.E.C. Thuraisingham, Dato Onn Jaafar, Raja Uda bin Raja Muhammad, Tunku Abdul Rahman bin Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Dato Abdul Razak bin Dato Hussain, Colonel H.S. Lee, Leong Cheung Ling, G. Shelley, Muhammad Yusof bin Ahmad, dan V.M.N. Menon (ambil alih tempat R. Ramani).

⁷³ Federation of Malaya, Report of the Special Committee Appointed on the 20th Day of September 1951 to Recommend Legislation to Cover All Respects of Education Policy for the Federation of Malaya, Government Press, Kuala Lumpur, 1951, Perenggan 15 & 16.

⁷⁴ Federation of Malaya, The Education Ordinance, 1952, Council Paper No. 63 of 1952, Government Press, Kuala Lumpur, 1952, Perenggan 9.

Sehubungan itu, Ordinan Pelajaran 1952 mencadangkan supaya dua jenis Sekolah Kebangsaan didirikan, iaitu sama ada menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa-bahasa pengantar.⁷⁵ Mengikut susunannya, bahasa Inggeris akan diajar dari darjah satu di sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala di sekolah berpengantar bahasa Inggeris, bahasa Melayu akan mula diajar dalam darjah tiga.

Sekolah Kebangsaan yang diperakukan oleh Ordinan Pelajaran 1952 adalah merujuk kepada sebarang sekolah yang menyediakan pelajaran rendah percuma selama enam tahun bagi kanak-kanak dari semua ras yang berumur di antara umur enam hingga dua belas tahun. Sekolah tersebut adalah berorientasikan Tanah Melayu, menggunakan bahasa-bahasa rasmi Persekutuan serta menyediakan kemudahan-kemudahan pengajaran dalam bahasa Cina dan Tamil jika terdapat permintaan daripada ibu bapa murid supaya bahasa-bahasa berkenaan diajar.⁷⁶

Dengan meneliti kandungan yang dinyatakan dalam Ordinan Pelajaran 1952 ini, bolehlah dikatakan bahawa Ordinan tersebut merupakan perundangan pertama yang bercorak kebangsaan apabila hanya bahasa rasmi negara dijadikan bahasa pengantar di sekolah. Semasa Rang Undang-Undang Pelajaran 1952 dibentangkan di Majlis Perundangan Persekutuan, Ahli bagi Pendidikan Dato' Thuraisingham telah menerangkan bahawa rang undang-undang tersebut adalah

⁷⁵ *Ibid.*, Perenggan 21.

⁷⁶ *Ibid.*

bertujuan “to create a united Malayan nation that should narrow communalism and adopt progressive nationalism”.⁷⁷ Justeru itu, beliau menolak sebarang cadangan untuk mengekalkan sekolah vernakular dalam sistem persekolahan kebangsaan. Katanya, “...That cuts at the very root of our recommendation... where we want all our children under the same roof for an education with a Malayan orientation”.⁷⁸

Bagaimanapun, Ordinan tersebut tidak diterima dengan sepenuhnya oleh rakyat Tanah Melayu. Tentangan orang Melayu terhadap Ordinan Pelajaran 1952 adalah dipelopori oleh Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung. Pada asasnya, kesatuan tersebut meminta taraf supaya sekolah Melayu ditingkatkan, menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi supaya ia menjadi sama taraf dengan bahasa Inggeris serta menaikkan taraf guru-guru sekolah Melayu.⁷⁹

Ordinan Pelajaran 1952 yang tidak mengiktiraf sekolah vernakular sebagai sekolah kebangsaan juga telah menimbulkan tentangan yang kuat daripada masyarakat Cina.⁸⁰ Mereka melihat Ordinan tersebut sebagai satu alat untuk

⁷⁷ Federation of Malaya, Proceedings of the Legislative Council of the Federation of Malaya for the Period (Fifth Session), March, 1952 to February, 1953, Government Printers, Kuala Lumpur, 1953, hlm. 662.

⁷⁸ Ibid.

⁷⁹ Haris Md. Jadi, Etnik, Politik dan Pendidikan, hlm.40.

⁸⁰ Ordinan Pelajaran 1952 telah mendesak golongan pentadbir sekolah Cina menuju PPLPSCM pada tahun 1954. PPLPSCM kemudian bersama-sama dengan GPGSCM bertindak sebagai kumpulan seminat dan pendesak yang berpengaruh di dalam masyarakat Cina.

menghapuskan sekolah Cina.⁸¹ Justeru itu, apabila GPGSCM mengetahui Jawatankuasa Khas telah menyempurnakan laporannya, ia telah berusaha untuk mengadakan perundingan dengan H. Hogan, Pengerusi Jawatankuasa Khas terutamanya berkaitan dengan penerimaan pendidikan Cina ke dalam sistem pendidikan kebangsaan.⁸²

Akan tetapi dalam pertemuan dengan delegasi GPGSCM pada 2 September 1952, H. Hogan tidak mahu berganjak dan bertegas menolak permintaan tersebut. Sir Donald MacGillivray, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi juga menolak dakwaan GPGSCM bahawa syor-syor dalam Laporan Jawatankuasa Khas dan Ordinan Pelajaran 1952 “*as indicating an intention to eliminate Chinese culture or to deny Chinese education the same opportunities of progress as other vernacular education*”.⁸³

Dalam hal ini, Presiden MCA, Tan Cheng Lock telah berkali-kali memberi jaminan kepada masyarakat Cina bahawa “*...the Constitution of the MCA is such that it must protect the interest of the Chinese not only politically but*

⁸¹ Memorandum of Education Ordinance of 1952, Federation of Malaya, UCSTAM, Kuala Lumpur, 14 August 1954.

⁸² Fail GPGSCM/Ordinan Pelajaran 1952, Letter from Li Po-wen, President UCSTAM, to the Chairman, Select Committee on Education, Federal Legialative Council, 29 Ogos 1952, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁸³ Fail GPGSCM/Ordinan Pelajaran 1952, Letter from R.J.Wait, Private Secretary to the Deputy High Commissioner, to the President of UCSTAM, 5 November 1952, GPGSCM, Kuala Lumpur.

economically, culturally, educationally and in every other respect".⁸⁴ Memetik katanya dalam Konferens Perwakilan Lembaga Pengurus dan Guru-Guru Sekolah Cina dan Perwakilan MCA di DPCS pada 9 November 1952, "*At this critical juncture in the history of the growth and development of Chinese education and culture in Malaya... its cause has the full support of the Malayan Chinese Association.*"⁸⁵

Selaku Pengerusi MCA Chinese Education Central Committee (MCACECC),⁸⁶ Tan Cheng Lock juga telah mengecam Ordinan Pelajaran 1952 bertujuan untuk menghapuskan sekolah Cina dan akhirnya menghancurkan budaya Cina. Beliau mendesak kerajaan British supaya menarik balik Ordinan tersebut.⁸⁷ Kecaman yang dibuat oleh MCACECC diikuti pula dengan penghantaran satu memorandum kepada kerajaan British. Secara ringkasnya, memorandum tersebut mendakwa bahawa pendidikan melalui bahasa ibunda merupakan satu sumber asas untuk memelihara budaya. Oleh itu, memorandum

⁸⁴ Speech by Tan Cheng Lock to the Second Meeting of Representatives of Chinese School Committees and Teachers in the Federation and Representatives of the Malayan Chinese Association held on 19-20 April 1953 in the Selangor Chinese Assembly Hall, Kuala Lumpur. Lihat juga Minutes of Second Meeting of Representatives of Chinese School Committees and Teachers in the Federation and Representatives of the Malayan Chinese Association held on 19-20 April 1953 in The Selangor Chinese Assembly Hall, Kuala Lumpur.

⁸⁵ Speech by Dato Sir Tan Cheng Lock at the Conference of Chinese School Committees and Teachers on 9 November 1952 in the Selangor Chinese Assembly Hall, Kuala Lumpur.

⁸⁶ MCACECC atau lebih dikenali sebagai "*Three Big Organizations*" ditubuhkan selepas Konferens Perwakilan Lembaga Pengurus dan Guru-Guru Sekolah Cina dan Perwakilan MCA Ke-2 dilangsungkan di DPCS pada 19-20 April 1953. Ia dianggotai oleh MCA, PPLPSCM dan GPGSCM.

⁸⁷ Fail GPGSCM/MCACECC, Letter from Tan Cheng Lock to General Templer, 12 May 1953, GPGSCM, Kuala Lumpur.

mendesak supaya kerajaan menarik balik Ordinan Pelajaran 1952. Sebaliknya memorandum itu mencadangkan sekolah vernakular dikekalkan di dalam sistem pendidikan kebangsaan. Akhirnya memorandum memberi amaran bahawa “*the Chinese and Tamil schools should be won over, not forced to become Malayan.*”⁸⁸

Kerajaan British bertegas untuk meneruskan pelaksanaan Ordinan Pelajaran 1952. Misalnya Jeneral Templer, Pesuruhjaya Tinggi British, berpendapat Ordinan tersebut yang telah diluluskan di Majlis Perundangan Persekutuan adalah tidak perlu diteliti semula.⁸⁹ Walau bagaimanapun, Ordinan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kerajaan British menghadapi kemelesetan ekonomi disebabkan oleh kejatuhan harga bahan mentah.⁹⁰ Justeru itu Kerajaan British sekali lagi melantik sebuah Jawatankuasa Khas untuk mencari jalan penyelesaian bagi melaksanakan dasar yang dikuatkuasakan dalam Ordinan Pelajaran 1952.

Laporan jawatankuasa itu, yang biasa dirujuk sebagai Kertas Putih 1954, tetap menyatakan sokongannya kepada penubuhan Sekolah Kebangsaan yang berpengantar bahasa rasmi negara ke arah pembentukan satu sistem pendidikan

⁸⁸ Memorandum on Chinese Education in the Federation of Malaya, presented by Tan Cheng Lock, President of MCA and Chairman of MCACECC, Kuala Lumpur, 31 Mac 1954.

⁸⁹ Fail GPGSCM/MCACECC, Letter from General Templer to Tan Cheng Lock, 6 July 1953, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/MCACECC, Letter from MacGillivray to Tan Cheng Lock, 15 October 1954, GPGSCM, Kuala Lumpur; Teachers' Journal, Vol.10, No.2, 1975, hlm.24-29.

⁹⁰ Di samping kekurangan kewangan untuk membiayai rancangan-rancangan yang diusulkan dalam Ordinan Pelajaran 1952, kerajaan British juga menghadapi kekurangan guru terlatih untuk sekolah kebangsaan.

tunggal di negara ini.⁹¹ Bagi mencapai matlamat tersebut, Kertas Putih 1954 merumuskan aspek terpenting dalam Ordinan Pelajaran 1952 yang perlu dilaksanakan, iaitu “*to introduce National School features into existing vernacular schools as the requisite finance and teachers become available and to built new National Type Schools only in areas where there are no schools at all to cater for the existing population.*”⁹² Sebagai langkah permulaan, Jawatankuasa Khas mencadangkan supaya penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu secara beransur-ansur di sekolah vernakular Melayu serta penggunaan tiga bahasa di sekolah Cina dan sekolah Tamil secara beransur-ansur sehingga ia diserapkan ke dalam sistem persekolahan kebangsaan.⁹³

GPGSCM mendakwa saranan Jawatankuasa Khas tersebut adalah “*ill-advised and show a lack of appreciation and understanding of Chinese education and culture... attempt to belittle Vernacular Education and indirectly suggest its suppression.*”⁹⁴ Kegusaran masyarakat Cina amat terasa apabila Lim Lian Giok

⁹¹ Federation of Malaya, Educational Policy: Statement of the Federal Government on the Report of the Special Committee on the Implementation of Educational Policy together with the Report of that Committee, Government Printer, Kuala Lumpur, 1954, Perenggan 6, hlm.8. Lihat Report of that Committee, Government Printer, Kuala Lumpur, 1954; juga Federation of Malaya, Special Committee on the Implementation of Educational Policy: A Report and Statement, Council Paper No. 67 of 1954, Government Press, Kuala Lumpur, 1954; “Educational Policy: Statement of the Federal Government on the Report of the Special Committee on the Implementation of Educational Policy together with the Report of that Committee”, dalam Minutes of the Legislative Council of the Federation of Malaya with Council Papers for the Period (Seventh Session) March, 1954 to January, 1955, Government Printer, Kuala Lumpur, 1955.

⁹² Ibid., Perenggan 50, hlm.18.

⁹³ Ibid., Perenggan 8, hlm.3.

⁹⁴ Fail GPGSCM/Ordinan Pelajaran 1952, Letter from UCSCAM to Private Secretary to His Excellency the High Commissioner, Federation of Malaya, t.t., GPGSCM, Kuala Lumpur.

mengecam “*the Barnes Report announced that Chinese Education would be eliminated; the Education Ordinance 1952 sentenced it to death; and the White Paper on Education, 1954 dug its grave...*”⁹⁵ Justeru itu, dalam suratnya kepada Pesuruhjaya Tinggi British, PPLPSCM memberi amaran kepada kerajaan bahawa “*...any attempt to suppress any language or culture of the people by arbitrary and abrupt means, will always end in failure and dissension among the people, and in some cases in violent revolution.*”⁹⁶

Apabila kerajaan British menghantar surat notis kepada semua sekolah Cina berhubung dengan permohonan pembukaan “*National English-Medium Class*” Darjah Satu bagi tahun 1955, Pengurus MCACECC, Tan Cheng Lock menunjukkan tindak balas yang tidak kurang hebatnya. Beliau mengingatkan kerajaan British bahawa “*to force a language on a race with a take-it-or-leave-it attitude is to court trouble...*”⁹⁷ Beliau mempertikaikan bahawa “Kerajaan Tanah Melayu mempunyai sekolah Inggeris, orang Melayu mempunyai sekolah Melayu, orang Cina mempunyai sekolah Cina. Jika semua sekolah Cina dikehendaki bertukar menjadi sekolah Inggeris, maka ke mana pergi pendidikan Cina?”⁹⁸

⁹⁵ Suen Y-chern, “Chinese Education and Government Policy in Malaya”, hlm.79.

⁹⁶ Fail GPGSCM/Ordinan Pelajaran 1952, Letter from UCSCAM to Private Secretary to His Excellency the High Commissioner, Federation of Malaya, t.t., GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁹⁷ Speech delivered by Tan Cheng Lock, the MCA President, at the Annual General Committee Meeting of the Association on the 15 January 1955, at the Chinese Assembly Hall, Kuala Lumpur.

⁹⁸ Lim Lian Geok, Fengyu shibanian, (Pergolakan 18 Tahun), Lian Lian Geok Fund, Kuala Lumpur, 1988, Jilid 1, hlm.98.

Justeru itu, Tan Cheng Lock menyeru sekolah-sekolah Cina agar tidak mengemukakan sebarang permohonan.

Walaupun kerajaan British kemudiannya bersetuju untuk menambahkan waktu pembelajaran bahasa Cina dalam “*National-type Class*” tersebut, namun hampir semua sekolah Cina masih enggan membuka “*National English-Medium Class*” di sekolah mereka.⁹⁹ Sehingga tarikh tutup permohonan pada 9 November 1954, tidak terdapat sekolah Cina yang mengemukakan permohonannya. Memandangkan bantahan dari masyarakat Cina, kerajaan akhirnya terpaksa mengisyiharkan bahawa rancangan pembukaan “*National English-Medium Class*” adalah tidak wajib.

Akan tetapi, kontroversi yang berkaitan dengan Ordinan Pelajaran 1952 dan Kertas Putih 1954 telah dapat dipendamkan kerana Pilihan Raya Persekutuan 1955. Parti Perikatan telah menggunakan dasar pembekuan ke atas persoalan-persoalan terutamanya isu pendidikan yang boleh menimbulkan kontroversi hangat serta menggugat pencapaian parti dalam pilihan raya umum. Lantaran itu, dalam perundingan dengan GPGSCM di Melaka, Tunku Abdul Rahman memberi jaminan bahawa “*if the Alliance were returned to power, it would see to it that the Chinese were given a chance to preserve their schools, language and culture.*”¹⁰⁰ Jaminan Tunku Abdul Rahman itu telah dimasukkan ke dalam manifesto pilihan

⁹⁹ Teachers' Journal, Vol.10, No.1, 1975, hlm.22-31.

¹⁰⁰ Minutes of a meeting on Chinese Education on 12th January 1955 at 5 pm. at the Residence of Dato' Sir Cheng-Lock Tan in Malacca, Pusat Sumber GPGSCM, Kuala Lumpur.

raya umum Parti Perikatan. Antara lain, “*to allow the vernacular schools their normal expansion*”, “*to encourage rather than destroy the schools, language, or culture of any race living in the country*”, dan “*to accord equal treatment to all aided schools*”.¹⁰¹

Akan tetapi tuntutan GPGSCM supaya “*if Malaya is an independent country, the first language should be Malay and the second should be Chinese*” telah ditolak oleh Tunku Abdul Rahman.¹⁰² Alasannya ialah rakyat terutamanya orang Melayu masih belum bersedia untuk menerimanya dan UMNO harus mematuhi kehendak orang Melayu. Bagaimanapun, atas nasihat Tan Cheng Lock, GPGSCM memberikan jaminan bahawa “*the question of Chinese becoming one of the official languages would not be brought up again until after the Federal Elections.*”¹⁰³

Sebagai rumusannya, zaman selepas Perang Dunia Kedua telah memperlihatkan kerajaan British giat berusaha untuk mewujudkan satu sistem pendidikan yang dapat menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Penyatuan sistem persekolahan telah dilaksanakan melalui beberapa jawatankuasa pendidikan yang dilantik khas. Hasil terakhir dari kesemua laporan yang diterbitkan ialah Ordinan Pelajaran 1952, satu perundangan yang pertama dan

¹⁰¹ Menuju Ke Arah Kemerdekaan, Alliance National Council, 1955.

¹⁰² Minutes of a meeting on Chinese Education on 12th January 1955 at 5 pm. at the Residence of Dato' Sir Cheng-Lock Tan in Malacca, Pusat Sumber GPGSCM, Kuala Lumpur.

¹⁰³ Ibid.

tunggal mengenai pembentukan satu jenis persekolahan rendah yang berteraskan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Bagaimanapun, pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dengan tidak memberi sebarang pengiktirafan kepada sekolah vernakular Cina sebagai sekolah kebangsaan itu telah menimbulkan tentangan hebat daripada Dong Jiao Zong. Tegasnya, perdebatan yang berlaku berligar atas soal jenis sekolah yang hendak didirikan dan bahasa pengantar yang akan digunakan.

Kedudukan Sekolah Cina dalam Laporan Razak

Pilihan raya umum 1955 telah memberikan kemenangan kepada Parti Perikatan.¹⁰⁴ Kerajaan British telah mengumumkan bahawa Tanah Melayu akan diberi taraf berkerajaan sendiri. Justeru itu, agenda utama kerajaan Perikatan adalah membina perpaduan bangsa dari pelbagai keturunan dan agama melalui penggubalan dan pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan. Oleh itu, satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak Bin Dato' Hussein telah dibentuk untuk mengkaji semula sistem pendidikan yang sedia ada dan Ordinan Pelajaran 1952, serta mencadangkan apa-apa perubahan atau penyesuaian yang perlu dengan tujuan untuk mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang baharu. Prinsip dan cadangan asas yang dikemukakan oleh

¹⁰⁴ Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan dengan mendapat 79.6% undi sah. Kerusi yang lebihnya dimenangi oleh PAS; dalam K.J. Ratnam, Communalism and the Political Process in Malaya, hlm. 196.

jawatankuasa ini yang biasanya dikenali sebagai Laporan Razak telah dimaktubkan dan diluluskan menjadi Ordinan Pelajaran 1957.

Laporan Razak mengemukakan dua cadangan utama yang menjadi teras pembentukan satu sistem pendidikan kebangsaan yang berhasrat untuk memupuk intergrasi dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum. Pertama, ia mencadangkan perwujudan satu sistem persekolahan yang sama bagi kanak-kanak daripada semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama. Misalnya, Perenggan 12 dalam Laporan tersebut menyatakan bahawa”

“We believe further that the ultimate objective of educational policy in this country must be to bring together the children of all races under a national educational system in which the national language is the main medium of instruction, though we recognise that progress towards this goal cannot be rushed and must be gradual.”¹⁰⁵

Kedua, dalam konteks membina nilai-nilai dan semangat perpaduan di kalangan rakyat, penggunaan kurikulum yang seragam di semua sekolah adalah mustahak. Keseragaman kurikulum ini memungkinkan konsep dan prinsip perpaduan disebarluaskan secara formal dan menyeluruh. Untuk mencapai objektif tersebut, Laporan Razak telah memperakarkan kurikulum sekolah yang sama

¹⁰⁵ Federation of Malaya, Report of the Education Committee 1956, Government Printers, Kuala Lumpur, 1956, Perenggan 12.

kandungan serta bercorak kebangsaan bagi semua sekolah. Misalnya, Perenggan 115 Laporan Razak telah menyatakan bahawa:

“One of the fundamental requirements of educational policy in the Federation of Malaya is to orientate all schools, primary and secondary, to a Malayan outlook. We consider that the way to do this is to ensure a common content in the syllabuses of all schools.”¹⁰⁶

Berdasarkan prinsip dan perakuan yang dikemukakan di atas, jelas menunjukkan Laporan Razak hanya menekankan matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan adalah untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Paradoksnya ialah dasar itu tidak memberikan penekanan kepada pentingnya bahasa pengantar yang tunggal sebagai satu alat terpenting ke arah pembentukan sebuah negara yang bersatu. Sebaliknya, Laporan tersebut menitikberatkan pembentukan sistem pendidikan kebangsaan melalui keseragaman kandungan kurikulum bagi semua sekolah tanpa mengira bahasa pengantar yang digunakan. Berhubung dengan perkara ini, Laporan Razak memperakukan bahawa:

“Once all schools are working to a common content syllabus, irrespective of the language medium of instruction, we consider the country will have taken the most important step towards establishing a national system of education which will satisfy the needs of the people and promote their cultural, social, economic, and political development as a nation.”¹⁰⁷

¹⁰⁶ *Ibid.*, Perenggan 115.

¹⁰⁷ *Ibid.*, Perenggan 119.

Berdasarkan falsafah dan kefahaman ini, Laporan Razak tidak membuat sebarang rombakan yang radikal terhadap sistem persekolahan yang sedia wujud. Sebaliknya, Laporan Razak memperakuan pengekalan satu sistem persekolahan majmuk dengan empat aliran bahasa di peringkat sekolah rendah. Misalnya, Laporan Razak mengkategorikan sekolah rendah kepada dua jenis. Pertama ialah Sekolah Rendah Umum yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Kedua ialah Sekolah Rendah Jenis Umum yang menggunakan bahasa Cina, atau bahasa Tamil, atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.¹⁰⁸

Mengikut sistem baru ini, Sekolah Rendah Umum menjadikan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib dan kemudahan bagi pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil disediakan jika tidak kurang daripada 15 orang ibu bapa kanak-kanak di sekolah memintanya. Sementara di Sekolah Rendah Jenis Umum, bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris adalah mata pelajaran wajib, manakala kemudahan pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil diberikan di Sekolah Rendah Jenis Umum (Inggeris) jika terdapat permintaan daripada tidak kurang 15 orang ibu bapa kanak-kanak di sekolah.¹⁰⁹ Semua sekolah rendah tidak kira kategorinya akan dimasukkan ke dalam dua kategori, iaitu Sekolah Persendirian dan Sekolah Bantuan Kerajaan yang tertakluk pada penyeliaan dan pemeriksaan kerajaan. Sekolah-sekolah ini adalah dikelolakan oleh Penguasa Pelajaran

¹⁰⁸ *Ibid.*, Perenggan 54.

¹⁰⁹ Federation of Malaya, Education Ordinance, 1957, Council Paper No.2 of 1957, Government Press, Kuala Lumpur, 1957, Perenggan 2.

Setempat bersama-sama dengan Jemaah Pengurus atau Lembaga Pengelola Sekolah.¹¹⁰

Pada dasarnya Laporan Razak ternyata memanifestasikan hasil daripada perundingan dan permuafakatan politik di kalangan pelbagai kumpulan etnik yang terdapat di negara ini. Laporan tersebut menunjukkan semua kumpulan etnik memberikan penghormatan dan pengiktirafan kepada bahasa kebangsaan dan memperakukan untuk menjadikannya sebagai bahasa pengantar utama di sekolah. Pada waktu yang sama, laporan itu bukan sahaja tidak menafikan kewujudan bahasa-bahasa lain malah membenarkan bahasa-bahasa asing digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah peringkat rendah.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam bidang tugas, Jawatankuasa Pelajaran 1956 telah memperakukan “satu sistem pendidikan yang dapat diterima oleh rakyat Persekutuan keseluruhannya yang akan memuaskan keperluan-keperluan mereka dan menggalakkan lagi perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik mereka sebagai satu negara”.¹¹¹ Justeru itu, perbincangan mengenai Laporan Razak memperlihatkan prinsip tolak ansur politik dan kompromi kaum telah diamalkan.

¹¹⁰ Federation of Malaya, Report of the Education Committee 1956, Perenggan 38.

¹¹¹ Ibid., Perenggan 1a.

Hal ini diakui sendiri oleh Dato' Abdul Razak semasa membahaskan Laporan Razak di Majlis Perundangan Persekutuan pada 16 Mei 1956. Beliau menekankan bahawa “*to achieve this paramount objective, there must be compromise—a spirit of give and take—and in some instances technical and theoretical considerations had to be subordinated to this paramount objective*”.¹¹² Semasa membentangkan Rang Undang-Undang Pelajaran 1957 pada 7 Mac 1957, Dato' Abdul Razak sekali lagi menegaskan rang undang-undang tersebut “*represents the maximum degree of agreement that can at present be achieved on this controversial and contentious field of education in this country*”.¹¹³

Walau bagaimanapun, Laporan Razak dan Ordinan Pelajaran 1957 ini tidak diterima sepenuhnya oleh rakyat berbilang kaum. Perdebatan yang berlaku mengenai Laporan Razak dan Rang Undang-Undang Pelajaran 1957 adalah tertumpu pada perwujudan satu sistem persekolahan majmuk bagi memuaskan keperluan daripada pelbagai kumpulan etnik. Orang Melayu tidak puas hati kerana ketidaktegasan dalam pelaksanaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang tunggal di semua sekolah. Misalnya, dalam perbahasan Laporan Razak dan dasar pendidikan kebangsaan, ahli-ahli Majlis Perundangan Persekutuan seperti Nik Hassan, Haji Ali, Abdul Khalid dan Ibrahim Kadri telah menuduh Laporan Razak kerana mengekalkan sistem persekolahan pelbagai

¹¹² Federation of Malaya, Legislative Council Debates: Official Report of the Second Legislative Council of the Federation of Malaya for the Period (First Session), 30th August, 1955 to 13th September, 1956, Government Press, Kuala Lumpur, 1958, hlm.1146.

¹¹³ Federation of Malaya, Legislative Council Debates: Official Report of the Second Legislative Council of the Federation of Malaya for the Period (Second Session), October, 1956 to August, 1957, Government Press, Kuala Lumpur, 1958, hlm.2542.

bahasa pengantar. Mereka mendesak kerajaan supaya menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang tunggal di semua sekolah.¹¹⁴

Selain itu, Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung tidak senang hati dengan Perenggan 12 yang meletakkan bahasa-bahasa asing setaraf dengan bahasa kebangsaan. Oleh itu, Kesatuan tersebut mencadangkan supaya perenggan itu dipinda kepada “bahawa bahasa kebangsaan (Melayu) itu hendaklah menjadi bahasa pengantar yang tunggal dalam semua sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah yang dibantu oleh kerajaan”.¹¹⁵

Berhubung dengan perkara ini, Dato' Abdul Razak menjelaskan bahawa “*we cannot disregard or decline to accept the culture of other races. This is the basic policy which we must accept at present at a time when we are still striving for independence*”.¹¹⁶ Sementara Dr. Ismail Abdul Rahman, Menteri Sumber Semulajadi, tidak menafikan bahawa Laporan Razak “*encourage communalism in this country*”. Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa “...*The Alliance hold the view that because we have several communities in this country the important question is to have one common syllabus taught in schools using several languages and insist all schools to teach Malay*”.¹¹⁷

¹¹⁴ Ibid., hlm.1166-1198.

¹¹⁵ Haris Md. Jadi, Etnik, Politik dan Pendidikan, hlm.112.

¹¹⁶ Federation of Malaya, Legislative Council Debates: Official Report of the Second Legislative Council of the Federation of Malaya for the Period (Second Session), October, 1956 to August, 1957, hlm.1199.

¹¹⁷ Ibid., hlm.1193.

Sebagai sebahagian daripada Parti Perikatan yang memerintah serta terlibat secara langsung dalam penggubalan Laporan Razak dan Ordinan Pelajaran 1957, MCA berusaha untuk cuba menyakinkan masyarakat Cina terutamanya pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Tan Siew Sin dalam ucapannya di Majlis Perundangan Persekutuan telah menegaskan bahawa beliau “*have every confidence that in the implementation of this Bill they can expect fairness...*”.¹¹⁸ Pada keseluruhannya, masyarakat Cina menyambut baik cadangan pengekalan sistem persekolahan peringkat rendah yang berbeza bahasa pengantar. Lebih-lebih lagi sekolah-sekolah Cina dan Tamil telah diiktiraf secara rasmi sebagai salah satu jenis sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan. Dengan itu, sekolah vernakular Cina adalah lebih terjamin dari segi perkembangan, perluasan, perterusan dan pengiktirafan.

Akan tetapi, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan khasnya menentang Perenggan 12 Laporan Razak yang memperakukan bahawa matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan ialah untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah. Pengurus GPGSCM, Lim Lian Giok menganggap matlamat akhir tersebut boleh membawa kepada penghapusan sekolah Cina yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar.¹¹⁹ Sementara itu, Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur telah menuntut

¹¹⁸ Federation of Malaya, Legislative Council Debates: Official Report of the Second Legislative Council of the Federation of Malaya for the Period (Second Session), October, 1956 to August, 1957, hlm.2553.

¹¹⁹ China Press, 23 Julai 1956.

supaya Perenggan 12 Laporan Razak dimansuhkan.¹²⁰ Kesatuan Guru-Guru Sekolah India turut menentang kerana bimbang pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan dikatakan akan menjelaskan kemajuan bahasa Tamil dan taraf guru-guru sekolah Tamil.¹²¹

Sehubungan itu, MCACECC telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Pendidikan, Dato Abdul Razak pada 6 Mei 1956. Dalam perjumpaan tersebut, Dato' Abdul Razak menekankan bahawa matlamat akhir dalam Laporan Razak "*merely expresses what the Committee consider as it's task, and that after consideration, the Committee has not seen it fit to make this recommendation... this will not appear in the Ordinance.*"¹²² Namun, Dato' Abdul Razak kemudian memberi penjelasan lanjut yang bertentangan dan mengelirukan masyarakat Cina, iaitu:

*"Surely no true Malayan would deny that the ultimate objective of educational policy in this country must be to bring together the children of all races under a national education system in which the national language is the main medium of instruction. This does not of course mean that the ancestral cultures of all the peoples in Malaya will not be cherished and preserved in our educational system in which reasonable facilities will be given for learning the Chinese language in the medium of Kuo Yu."*¹²³

¹²⁰ Huawen Jiaoyu Shiliao, (Sejarah Ringkas Pendidikan Cina), GPGSCM, Kuala Lumpur, 1984, hlm.34.

¹²¹ Haris Md. Jadi, Etnik, Politik dan Pendidikan, hlm.109.

¹²² Fail GPGSCM/Laporan Razak, Letter from Wen Tien Kuang & Lim Lian Giok, Secretary General and Deputy Secretary General MCACECC, to Dato' Abdul Razak Bin Hussein, Minister of Education, Federation of Malaya, 8 Mei 1956, GPGSCM, Kuala Lumpur.

¹²³ Ref: (33) in M.for E.228/56, Letter from Dato' Abdul Razak Bin Hussein, Minister of Education, Federation of Malaya, to the Secretary General, MCACECC, 12 Jun 1956.

Kenyataan Menteri Pendidikan di atas menunjukkan bahawa kerajaan tetap berpegang teguh kepada prinsip kedaulatan bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Bagaimanapun, akibat daripada desakan dan kecaman masyarakat Cina, Dato' Abdul Razak akhirnya berkompromi dengan kehendak mereka. Semasa penggubalan Ordinan Pelajaran 1957, matlamat akhir tersebut telah dikeluarkan apabila Perenggan 3 Ordinan tersebut hanya menyatakan bahawa:

“The educational policy of the Federation is to establish a national system of education acceptable to the people as a whole which will satisfy their needs and promote their cultural, social, economic and political development as a nation, with the intention of making the Malay language the national language of the country whilst preserving and sustaining the growth of the language and culture of people other than Malays living in the country.”¹²⁴

Sungguhpun demikian, tentangan yang dibuat oleh Dong Jiao Zong terhadap dasar pendidikan kebangsaan semakin bertambah rancak semasa MCA di bawah kepimpinan Lim Chong Eu. Menerusi MCACECC, Lim Chong Yu menganjurkan Persidangan Kebangsaan Pendidikan Cina yang dengan lantangnya mengecam dasar pendidikan kerajaan.¹²⁵ Persidangan tersebut telah menyeru kerajaan supaya memberi layanan yang adil kepada sekolah Cina serta menerima bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara dan dimasukkannya ke dalam

¹²⁴ Federation of Malaya, Education Ordinance, 1957, Council Paper No.2 of 1957, Perenggan 3.

¹²⁵ Persidangan pertama diadakan di Perak pada September 1958 dan persidangan kedua dilangsungkan di Kuala Lumpur pada April 1959.

manifesto Pilihan Raya Perikatan 1959.¹²⁶ Akan tetapi, Tunku Abdul Rahman dengan tegas menolak tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh MCACECC, terutamanya bahasa Cina sebagai bahasa rasmi negara.¹²⁷ Beliau menyatakan bahawa kerajaan tidak akan menerima bahasa-bahasa lain selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi.¹²⁸ Beliau memberi amaran tegas bahawa:

"It is hard to escape the impression that the motive for bringing up this issue just before the forthcoming Parliamentary election is tantamount to pointing a pistol at the Alliance, with a threat that unless we give in to the demands of the teachers, the teachers will strive to turn the Chinese masses against the Alliance... If you have the interest of the country at heart, you should approach the problem of education through careful negotiation between those concerned. My interest in this matter is to try to create a Malayan-mindedness among all the people and to provide equal opportunities to all those who come out of our schools, be it Chinese, English, Tamil or Malay... If you insist on going ahead with the conference, I can only regard as a direct challenge to the well being of the Alliance, and I shall have no alternative but to accept your challenge. I sincerely hope that you will give this matter your earnest consideration..."¹²⁹

¹²⁶ Sin Chew Jit Poh, 23 September 1958; Statement of National Conference on Chinese Educations, National Conference on Education, Kuala Lumpur, 26 April 1959.

¹²⁷ Tuntutan terhadap status bahasa Cina sebagai bahasa rasmi mula dibangkitkan pada Kongres Perwakilan Lembaga Pengurus dan Guru-Guru Sekolah Cina serta Perwakilan MCA ke-2 pada April 1953. Selanjutnya, pergerakan bertambah giat semasa Suruhanjaya Reid menggubal perlembagan baru bagi Tanah Melayu yang merdeka sehinggalah penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Lihat A Declaration of the Meeting of Representatives of Registered Chinese Organizations in Malaya for the Acquiring of Citizenship Rights, 27 April 1956; Confidential Memorandum Submitted to the Reid Constitutional Commission, The Pan-Malayan Federation of Chinese Association, 20 Julai 1956; A Memorandum to the Prime Minister for a Rightful Place of the Chinese Language, Protam Working Committee of Representatives of Chinese Associations and Guilds of Malaysia, 4 Disember 1965. Statement of Naitonal Language Bill, Protam Working Committee of Representatives of Chinese Associations and Guilds of Malaysia, 8 Mac 1967.

¹²⁸ The Straits Times, 29 September 1958.

¹²⁹ Fail GPGSCM/Laporan Razak, Letter from Tunku Abdul Rahman Putra to Lim Lian Geok, President of UCSTAM, 2 Julai 1959, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Ringkasnya, Laporan Razak telah gagal untuk menamatkan kontroversi pendidikan di negara ini. Masalah yang menyelubungi pendidikan masih tertumpu pada bahasa pengantar yang hendak digunakan di dalam sistem pendidikan kebangsaan. Sungguhpun Laporan tersebut membawa banyak perubahan dalam struktur dan organisasi sistem persekolahan, namun perlu diakui bahawa ia telah gagal membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan yang menetapkan bahasa pengantar yang sama di sekolah bagi memupuk perpaduan nasional. Pengiktirafan sekolah vernakular peringkat rendah dalam sistem pendidikan kebangsaan, walaupun buat sementara waktu, telah memperkuuhkan atas perjuangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan.

Kedudukan Sekolah Cina dalam Laporan Rahman Talib

Dalam dekad pertama Malaysia mencapai kemerdekaannya, kontroversi mengenai bahasa pengantar di sekolah terus merupakan isu yang penting dan hangat diperdebatkan. Kesan daripada bantahan dari pelbagai kaum terhadap Laporan Razak, satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Abdul Rahman bin Talib telah dibentuk pada tahun 1959. Jawatankuasa ini bertujuan untuk mengkaji semula kejayaan perlaksanaan Laporan Razak disamping memperkuuh dan memperbaiki konsep, matlamat dan sistem pelajaran yang terkandung dalam Laporan Razak. Hasil Laporan Jawatankuasa ini dikenali sebagai Laporan

Rahman Talib dan kemudiannya telah diterima oleh Parlimen dan dikuatkuasakan sebagai Akta Pelajaran 1961.

Pada dasarnya, Laporan Rahman Talib bersetuju pada prinsip asas Laporan Razak mengenai perkembangan bahasa kebangsaan sebagai matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan. Misalnya dalam Perenggan 354, Laporan Rahman Talib menjelaskan bahawa “*...the declared intention of the Government is to increase the use of Malay until it ultimately becomes the main medium of instruction in all schools.*”¹³⁰ Sebagai langkah pertama ke arah matlamat akhir itu, laporan itu mencadangkan supaya:

*“They must be a real effort to extend primary education in the national language...for a start, of Malay-medium stream in what were formerly Government English primary schools. This is an essential move towards the ultimate objectives of making Malay the main medium of instruction in all schools”.*¹³¹

Bagi merealisasikan matlamat akhir tersebut, Seksyen 21(2) dalam Akta Pelajaran 1961 menyatakan bahawa “*Where at any time the Minister is satisfied that a national-type primary school may suitably be converted into a national primary school he may by order direct that the school shall become a national*

¹³⁰ Federation of Malaya, Report of the Education Review Committee 1960, Government Press, Kuala Lumpur, 1960, Perenggan 354.

¹³¹ Ibid., Perenggan 133.

primary school".¹³² Berhubung dengan perkara ini, Menteri Pendidikan Abdul Rahman Talib, semasa berucap di Parlimen apabila sidang membahaskan Rang Undang-Undang Pelajaran 1961, menegaskan bahawa:

"Saya berhajat mengadakan aliran bahasa kebangsaan di dalam sekolah-sekolah rendah Kerajaan jenis kebangsaan, dan di bawah Fasal 21(2) dalam Rang Undang-Undang ini saya berkuasa mengarahkan perubahan sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan apabila saya puas hati bahawa peraturan ini sesuai dijalankan".¹³³

Seperkara yang perlu ditegaskan ialah Laporan Rahman Talib masih begitu kabur terutamanya dari segi pembentukan satu sistem pendidikan kebangsaan yang berteraskan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang tunggal di semua sekolah. Tambahan lagi, Laporan Rahman Talib juga terperangkap dalam landasan sistem persekolahan majmuk yang menjadi teras konsep pendidikan penjajahan British. Laporan tersebut menyokong Laporan Razak untuk mengekalkan empat aliran bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah.

¹³² Federation of Malaya, Education Act, 1961, Federation of Malaya Act of Parliament No. 3 of 1961, Government Press, Kuala Lumpur, 1961, Seksyen 21(2).

¹³³ Federation of Malaya, Parliamentary Debates: Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Vol.III, No.19, 19 October 1961, Thor Beng Chong, Pemangku Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1962, hlm.1934. Bagaimanapun, Menteri Pendidikan kemudiannya menyatakan bahawa pertukaran sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sekolah rendah kebangsaan hanya melibatkan sekolah-sekolah yang bangunannya dimiliki oleh kerajaan sahaja. Lihat Federation of Malaya, Parliamentary Debates: Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Vol.III, No.20, 20 October 1961, Thor Beng Chong, Pemangku Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1962, hlm.2117.

Bagi memupuk semangat kebangsaan dan perpaduan di kalangan rakyat, Laporan tersebut mencadangkan supaya nama *Sekolah Rendah Umum* ditukarkan kepada *Sekolah Rendah Kebangsaan* dan *Sekolah Rendah Jenis Umum* ditukarkan kepada *Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan*.¹³⁴ Selain itu, Laporan tersebut juga memperakukan bahawa pendidikan di peringkat rendah ini hendaklah diberi percuma di semua sekolah yang mendapat bantuan kerajaan.¹³⁵

Akta Pelajaran 1961 telah memberi definisi secara eksplisit mengenai status sekolah rendah jenis kebangsaan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Seksyen 2 Akta tersebut memperakukan SRJK sebagai sekolah rendah bantuan penuh kerajaan yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid antara umur enam tahun dan sebelas tahun. Sekolah ini menggunakan bahasa Cina atau Tamil atau Inggeris sebagai bahasa pengantar utama, manakala bahasa kebangsaan sebagai mata pelajaran wajib.¹³⁶ Sebagai jaminan tambahan, Seksyen 21(1) pula memperuntukkan Menteri boleh “*establish national primary schools and national-type primary schools and shall, subject to such provisions, maintain all such schools*”.¹³⁷ Dengan kata lain, SRJK(C) mempunyai asas legitimasi yang sah dan kukuh dalam sistem pendidikan kebangsaan.

¹³⁴ Federation of Malaya, Report of the Education Review Committee 1960, Perenggan 135.

¹³⁵ Ibid., Perenggan 121.

¹³⁶ Federation of Malaya, Education Act, 1961, Seksyen 2.

¹³⁷ Ibid., Seksyen 21(1).

Pada keseluruhannya, Laporan Rahman Talib juga telah tidak diterima dengan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia. Kontradiksi yang timbul dari Laporan tersebut masih berligar atas isu bahasa pengantar di sekolah. Misalnya, Dato' Onn Jaafar meluahkan rasa kecewa dan duka cita terhadap Laporan Rahman Talib kerana ia “tidak berani hendak menzahirkan kehendaknya yang sebenar, iaitu hendak mengadakan di Tanah Melayu ini sejenis sekolah sahaja yang dinamakan sekolah kebangsaan...”.¹³⁸ PAS pula berasa curiga terhadap pengekalan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan kebangsaan. Ahli-ahli Parlimennya seperti Zulkiflee Muhamad dan Dr. Burhannuddin Mohd. Noor telah menyuarakan tentangan dengan lantangnya. Mereka mengecam Laporan Rahman Talib yang termaktub dalam Rang Undang-Undang Pelajaran 1961 terlalu menekankan bahasa Inggeris sehingga mengabaikan kedaulatan bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan kebangsaan.¹³⁹

Seperti yang dijangkakan, Dong Jiao Zong sekali lagi menolak Laporan Rahman Talib. GPGSCM telah mengecam Laporan tersebut bertujuan untuk menghancurkan bahasa dan kebudayaan Cina kerana matlamat akhirnya adalah untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama

¹³⁸ Federation of Malaya, Parliamentary Debates: Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Vol.II, No.21, 12 August 1961, Government Printer, Kuala Lumpur, 1961, hlm.2348.

¹³⁹ Federation of Malaya, Parliamentary Debates: Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Vol II, No.19, 10 August 1961, Government Printer, Kuala Lumpur, 1961, hlm.2156-2158, 2166-2187; Federation of Malaya, Parliamentary Debates: Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Vol. II, No. 20, 11 August 1961, Government Printer, Kuala Lumpur, 1961, hlm.2214-2219.

dalam semua sekolah.¹⁴⁰ Pengerusinya, Lim Lian Geok pula menuduh Laporan tersebut berhasrat “*to kill Chinese culture with the knife of official languages*”.¹⁴¹

Tentangan yang dibuat oleh GPGSCM telah mendapat sokongan kuat daripada Parti Progresif Rakyat di Parlimen. Misalnya, D.R. Seenivasagam, ahli Parlimen kawasan Ipoh telah menyifatkan peruntukan Seksyen 21(2) sebagai “*the killing clause of other languages to be taught in the schools. It is a clause which makes the Minister of Education almighty... The purpose of Clause 21 is to kill slowly, steadily, systematically the existence of even primary schools where the medium of instruction is not the National language.*”¹⁴² Sementara itu, Tan Joon Hing, ahli Parlimen kawasan Teluk Anson, berpendapat seksyen tersebut sebenarnya telah “*revives the spirit of the 1952 Education Ordinance... With this power given to the Mnister, what guarantee is there that he will not use his power to convert all these schools into National Primary schools?*”¹⁴³

Bagaimanapun, sebagai parti komponen dalam Perikatan yang memikul tanggungjawab bersama terhadap segala dasar yang dibuat oleh kerajaan, MCA telah menyokong penuh Laporan Rahman Talib. Senator Cheah Toon Lok telah

¹⁴⁰ Sin Chew Jit Poh, 13 Ogos 1960.

¹⁴¹ Tan Puay-Ching, “The Role of the United Chinese School Teachers’ Association (West Malaysia) in the Struggle for Chinese Education and language Status, 1960-1969”, hlm.30.

¹⁴² Federation of Malaya, Parliamentary Debates: Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Vol III, No 20, hlm 2035

¹⁴³ Federation of Malaya, Parliamentary Debates: Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Vol.III, No.19, hlm.1964.

menolak dakwaan bahawa Seksyen 21(2) tersebut bertujuan untuk menghapuskan pendidikan dan budaya Cina. Beliau menolak kemungkinan “*the culture derived by people during its five thousand years of existence can be killed so quickly, and I do think you can kill a language*”.¹⁴⁴ Sementara Senator T.H.Tan memberi jaminan bahawa “*free primary education will guarantee that the Chinese in this country will continue to learn Chinese language at least for as long as the Alliance Government is in power*”.¹⁴⁵

Lee San Choon pula menafikan kerajaan berniat buruk untuk menghapuskan sekolah Cina. Memetik katanya di Parlimen, “*Chinese education has been recognized and classified as part of the education system and it is recognized as the main language besides the official language. Thus, it plants the root of Chinese education in this country. How can you say the Government has any intention to stop the use of Chinese then.*”¹⁴⁶

Walau bagaimanapun, dalam gerakan memprotes terhadap Laporan Rahman Talib, Dong Jiao Zong telah menerima satu tamparan hebat apabila Pendaftar Warganegara memberitahu bahawa sijil kewarganegaraan Lim Lian Geok ditarik balik. Alasannya ialah beliau telah membuktikan melalui tindakan-

¹⁴⁴ Federation of Malaya, Parliamentary Debates: Dewan Negara (Senat), Official Report, Vol.III, No.5, 23 October 1961, Thor Beng Chong, Pemangku Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1962, hlm.328.

¹⁴⁵ Federation of Malaya, Parliamentary Debates: Dewan Negara (Senat), Official Report, Vol II, No 7, 16 August 1961, Government Printer, Kuala Lumpur, 1961, hlm.484.

¹⁴⁶ Federation of Malaya, Parliamentary Debates: Dewan Rakyat (House of Representatives), Official Report, Vol.III, No.20, hlm.2059.

tindakan dan ucapan-ucapan bahawa dia tidak setia atau bermusuhan dengan Persekutuan Tanah Melayu.¹⁴⁷ Keadaan bertambah rumit lagi apabila permit mengajar Lim Lian Geok juga ditarik balik pada 19 Ogos 1961.¹⁴⁸

Berdasarkan perbincangan di atas, kita telah melihat perkembangan sekolah vernakular Cina yang pesat akibat daripada dasar penjajahan British. Pertumbuhan sekolah Cina bersama-sama dengan tiga jenis sekolah lain yang menggunakan kurikulum dan bahasa pengantar yang berbeza-beza telah memecah-belahkan rakyat pelbagai kumpulan etnik. Dengan berlatarbelakangkan faktor ini, maka timbul satu keperluan yang mendesak untuk menyusun semula sistem pendidikan ke arah pencapaian matlamat perpaduan negara. Ordinan Pelajaran 1952 yang bercorak kebangsaan telah cuba mengurangkan perbezaan di dalam sistem persekolahan majmuk yang wujud dengan menubuhkan Sekolah Kebangsaan yang menjadikan bahasa rasmi negara sebagai bahasa pengantar. Akan tetapi Ordinan tersebut telah tidak dapat dilaksanakan.

¹⁴⁷ Pertuduhan adalah berdasarkan kepada, “*deliberate misrepresentation and inversion of Government Education Policy in a manner calculated to excite disaffection against the Yang di-Pertuan Agong and the Government of the Federation*”; dan “*emotional appeals of an extreme communal nature calculated to promote feelings of ill-will and hostility between different races in the Federation likely to cause violence*”. Lihat Fail GPGSCM/Lim Lian Geok, Notice from Registrar-General of Citizens of the Federation of Malaya to Lim Lian Geok, 12 Ogos 1961, GPGSCM, Kuala Lumpur.

¹⁴⁸ Fail GPGSCM/Lim Lian Geok, Notice of Revocation of Registration as a teacher, from J.E.B. Ambrose, Registrar of Teachers, Selangor, to Lim Lian Geok, 19 Ogos 1961, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib telah mengekalkan sistem pendidikan majmuk yang diamalkan oleh penjajahan British. Kedua-dua laporan tersebut telah gagal membentuk satu sistem pendidikan tunggal yang menekankan pentingnya bahasa pengantar yang sama bagi semua sekolah. Sebaliknya, perkataan “bahasa pengantar utama” dalam Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib telah membawa maksud selain bahasa kebangsaan, bahasa-bahasa lain juga diiktiraf sebagai bahasa pengantar di sekolah. Walaupun Laporan Razak membuat ketetapan bahawa perakuan-perakuan yang dimajukan itu akan mulai dilaksanakan selepas sepuluh tahun akan datang,¹⁴⁹ namun ia telah menimbulkan kontroversi yang berpanjangan dan implikasinya masih berkekalan sehingga penggubalan Akta Pendidikan 1996.

Pengekalan sistem persekolahan majmuk pelbagai aliran bahasa pengantar di peringkat rendah telah membuka ruang dan luang bagi masyarakat bukan Melayu terutamanya masyarakat Cina untuk mempertahankan status quo SRJK(C) di dalam sistem pendidikan kebangsaan. Usaha kerajaan untuk merealisasikan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menetapkan penggunaan bahasa kebangsaan sepenuhnya telah menghadapi rintangan kuat dari Dong Jiao Zong dan Hua Tuan yang enggan menerima penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di SRJK(C).

¹⁴⁹ Federation of Malaya, Report of the Education Committee 1956, Perenggan 8.

Dari perspektif kerajaan, keadaan ini telah menjadi salah satu halangan untuk membina satu sistem pendidikan kebangsaan ke arah pemupukan perpaduan dan integrasi nasional di kalangan rakyat Malaysia yang mempunyai latar budaya, agama, bahasa yang berlainan. Justeru, usaha ke arah pemupukan perpaduan dan integrasi pelbagai kaum melalui perwujudan satu sistem pendidikan kebangsaan tetap menjadi matlamat utama kerajaan. Akan tetapi, kerajaan telah mendapati sukar untuk menghapuskan sistem persekolahan majmuk yang bercorak perkauman itu.